

Jilid III
Bil. 39



Hari Selasa
5hb November, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Bujang bin Haji Ulis—Kebenaran [Ruangan 6269]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6269]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 6311]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 6311]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRIDATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- " Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.U., S.M.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPAUNG, K.M.N. (Rajang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEETIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.T.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL Aziz BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkatan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimams).

Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir **Mas**).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Selasa, 5hb November, 1985***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA**

Cuti Y.B. Tuan Bujang bin Haji Ulis—Kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Tuan Bujang bin Haji Ulis, Ahli bagi kawasan Simunjan dari 4hb November hingga 22hb November, 1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****KAMPUS AKADEMIK ISLAM
UNIVERSITI MALAYA DI
BACHOK**

1. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menerangkan sejauh mana rancangan pelaksanaan projek pembinaan kampus Akademik Islam Malaya di Bachok, Kelantan yang telah

melibatkan ratusan ekar tanah rakyat di Bachok telah dilaksanakan, dan tahun berapa perlaksanaannya dapat diselesaikan.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan kampus Akademik Islam Malaya di Bachok akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Setakat ini Kerajaan Pusat telah pun membeli sebidang tanah seluas 552 ekar di Bachok, Kelantan untuk tapak Akademik tersebut. Pelan induk kampus ini juga telah pun disiapkan, manakala pelan lengkap bangunan sedang disediakan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, pihak Universiti juga telah memohon peruntukan sebanyak \$57.2 juta untuk melaksanakan peringkat-peringkat selanjutnya dalam pembinaan kampus tersebut.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah kebenaran yang mengatakan bahawa segala persiapan yang telah diuntukkan untuk kampus Akademik Islam Universiti di Bachok itu telah dipindah pada Universiti baru, Universti Utara dan yang baki dalam akaun akademik ini hanya sebagai token \$10.00 sahaja?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak benar, Yang Berhormat.

PENGANGGURAN AKIBAT KEMEROSOTAN EKONOMI

2. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Buruh menyatakan dalam keadaan kemerosotan ekonomi, berapa sektor terutamanya sektor pembinaan dan sektor perkilangan menghadapi kesusahan:

- (a) apakah kesan-kesan akibat dari keadaan tersebut ke atas masalah pengangguran di negara kita; dan
- (b) kadar pengangguran di negara kita dan apakah tindakan dijalankan untuk mengurangkan kadar ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan dari keadaan kemerosotan ekonomi ke atas masalah pengangguran di negara kita tidaklah begitu teruk jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara membangun yang lain dan jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan hanya merupakan sebahagian kecil sahaja dari bilangan penganggur. Sebahagian daripada pekerja-pekerja yang diberhentikan itu telah ditempatkan semula dalam kerja-kerja lain.

Bilangan penganggur selebihnya adalah datang dari lepasan-lepasan sekolah, institusi latihan, kolej dan univerti-universiti yang telah tamat pengajian dan memasuki pasaran buruh setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran negara kita telah dianggarkan sebanyak 6.2% bagi tahun 1985. Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha-usaha bagi menambahkan peluang-peluang pekerjaan iaitu dengan cara menarik pelabur-pelabur asing untuk membuka

perusahaan di negara ini di samping menggalakkan pembangunan industri-industri tempatan. Tahun yang lalu, usaha ini telah menghasilkan sebanyak 62,413 peluang-peluang pekerjaan dan dari bulan Januari hingga bulan Julai tahun ini, peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan itu ialah sebanyak 37,750.

Usaha untuk membuka rancangan-rancangan tanah-tanah baru dan pembesaran sektor perladangan yang ada juga akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran. Kerajaan juga memberi tumpuan kepada latihan kemahiran dengan harapan agar pekerja-pekerja yang terlatih akan lebih senang mencari pekerjaan. Pada masa ini Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya mempunyai 5 buah institut latihan perindustrian yang menjalankan berbagai bidang latihan kemahiran. Dalam tahun 1984 yang lalu sebanyak 1,807 orang pelatih telah tamat latihan dan anggaran bagi tahun 1985 ini ialah sebanyak 2,269 orang pelatih akan dikeluarkan daripada institut-institut latihan tersebut.

Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh juga sentiasa berusaha membantu penganggur-penganggur yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka.

Dalam tahun 1984 yang lalu Jabatan Tenaga Rakyat telah dapat menempatkan sebanyak 19,447 orang pekerja ke berbagai-bagai sektor pekerjaan dan bagi bulan Januari hingga Ogos, 1985 ini seramai 13,685 pencari-pencari kerja berjaya ditempatkan. Dengan usaha-usaha ini adalah diharapkan kedudukan kadar pengangguran dapat dikawal.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan

Menteri yang berkenaan, bolehkah beliau memberitahu Dewan yang mulia ini, di antara jumlah penganggur tersebut, berapa peratus datang dari sektor perlombongan bijih timah? Soalan kedua, oleh kerana kemungkinan kejatuhan pasaran bijih timah, adakah ini akan menambah masalah ini dan adakah pihak Kerajaan ada langkah-langkah yang positif untuk menghadapi masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat tidak ada angka-angka yang berkenaan dengan sektor perlombongan, Yang Berhormat boleh minta notis.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat hanya memberikan angka penganggur-penganggur yang diberhentikan kerja di sektor perlombongan yang telah berdaftar semula dengan Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendapat kerja baru adalah seperti berikut:

1983 — 154 orang.

1984 — 3 orang.

1985 (Januari hingga Julai) hanya dua orang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini iaitu bilangan penganggur-penganggur dalam sektor pembinaan dan sektor perkilangan yang telah berlaku akibat dari kemelesetan ekonomi?

Soalan kedua ialah oleh kerana kadar pengangguran dianggarkan akan meningkat dari 6.2% untuk tahun ini kepada 7.5% pada tahun 1986, maka saya hendak mendapat tahu daripada Kementerian berkenaan apakah rancangan kontingensi yang akan diambil untuk mengatasi ataupun menghadapi masalah ini.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan menyeluruh berhubung dengan bilangan penganggur-penganggur di seluruh negara dan butir-butir mengenai pecahan jantina dan umur boleh didapati di dalam buku Laporan Ekonomi yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini setiap tahun.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya hanya menyimpan angka-angka penganggur-penganggur yang berdaftar di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat yang terletak di bawah Kementerian saya. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat tadi, bagi sektor perladangan, bilangan yang diberhentikan kerja kerana sebab-sebab keraelesenan ekonomi pada tahun 1982 seramai 480 orang, yang dilaporkan kepada Kementerian saya, dan tahun 1983 624 orang, tahun 1984 266 orang dan bagi tahun 1985 sehingga Julai 410 orang, dan bagi sektor perkilangan dalam tahun 1982 435 orang. Tahun 1983 agak bilangannya terbesar sedikit iaitu 2,432 orang dan tahun 1984, 835 orang dan bagi tahun ini dari bulan Januari hingga Julai 900 orang.

Saya ada mempunyai angka untuk sektor-sektor yang lain tetapi cukuplah saya rasa untuk memberi jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat.

Bagi pertanyaan yang kedua saya telah sebutkan dalam jawapan asal tadi iaitu langkah utama ialah usaha dipertingkatkan bagi memulihkan keadaan ekonomi bagi merencanakan semula kegiatan industri sama ada melalui pelaburan asing atau industri tempatan. Dengan cara demikian, kita boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kembali dan mereka yang diberhentikan kerja dengan disebabkan kemerosotan ekonomi sekarang ini dan juga pencari-pencari

kerja baru yang memasuki pasaran buruh mungkin boleh ditempatkan di dalam kerja-kerja yang diwujudkan itu nanti.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bertambahnya pengangguran apakah benar semakin ramai majikan yang menyalahi undang-undang buruh kerana memberhentikan pekerja-pekerjanya dengan menafikan hak-hak pekerja yang termaktub di dalam Undang-undang Buruh? Jika benar, apakah tindakan atau amaran yang akan diambil terhadap mereka?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang negara kita, majikan memberhentikan pekerja-pekerja mereka dengan sebab kemerosotan perniagaan tidaklah dianggap melanggar undang-undang, asalkan mereka itu mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan iaitu mereka mengikut segala proses pemberhentian itu daripada mengeluarkan notis, membayar faedah renti kerja, sebagaimana yang ditentukan oleh Peraturari-Peraturan Kerja yang diterbitkan di bawah Akta Pekerjaan, 1955. Tetapi di dalam masa kebelakangan ini memang banyak aduan-aduan diterima oleh Kementerian saya daripada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja jika dibandingkan dengan keadaan biasa pada masa-masa yang lalu. Kementerian saya meneliti setiap aduan yang diterima dan diproses mengikut sepatutnya dan penyiasatan-penyiasatan yang rapi dijalankan dan di mana tempat perlu majikan-majikan yang berkenaan dibawa untuk dibicarakan di Mahkamah Buruh dan Pegawai-pegawai Buruh yang berkenaan mengeluarkan perintah-perintah mengikut undang-undang supaya majikan yang berkenaan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dan jika perlu Menteri

Buruh juga diberi kuasa untuk merujukkan kes-kes aduan seumpama itu untuk diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Tan Kok Hooi.

(Soalan No. 3. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi tidak hadir).

SUBSIDI HARGA PADI

4. Tuan Abdul Rahraan bin Suliman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula jumlah dan cara subsidi harga padi dan adakah harga padi yang ada sekarang akan dikaji semula untuk dinaikkan memandangkan kadar kenaikan harga barang yang begitu membebaskan pesawah-pesawah padi sekarang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa telah pun dijawab pada 15hb Oktober, 1985 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah. Dengan hal yang demikian, saya tidak mempunyai apa-apa lagi hendak ditambah pada hari ini.

INSTITUT KEMAHIRAN MARA— BILANGAN

5. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah cawangan Institut Kemahiran Mara yang akan didirikan di seluruh Negeri dan bila akan didirikan IKM dan kedai/gerai MARA di Baling dan Kupang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Yang di-Pertua, pihak MARA telah mengemukakan cadangan untuk mendirikan 7 buah

lagi Institut Kemahiran Mara dalam Rancangan Malaysia Kelima. MARA belum ada rancangan mendirikan IKM di Baling ataupun di Kupang. Walau bagaimanapun, MARA bercadang untuk membina 2 buah rumah kedai di daerah Bating iaitu di Kupang dalam tahun 1988 dan di Kuala Pegang juga dalam tahun 1988.

Tuan Mamat Ghazalee bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa banyak Institut Kemahiran MARA dalam Rancangan Malaysia sckarang yang dirancangan tetapi ditangguhkan dan saya hendak bertanya secara spesifik bilakah IKM Jerneh hendak dilaksanakan, adakah benar projek itu ditangguhkan?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima memang ada rancangan kita untuk mendirikan Institut Kemahiran Mara di Terengganu, tetapi sebagaimana saya katakan tadi kita telah mengemukakan perancangan kepada Kerajaan dan kita menunggu keputusan daripada pihak Kerajaan sama ada rancangan-rancangan itu boleh dilaksanakan ataupun tidak.

Tuan Haji Seroji bin Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah kriteria yang digunakan bagi mendirikan Institut Kemahiran Mara?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini MARA mempunyai 10 buah IKM di seluruh Malaysia dan dua daripadanya adalah di negeri Kedah iaitu satu di Alor Setar dan satu lagi di Sungai Petani. Jadi walaupun kita akan mendirikan IKM dalam Rancangan Malaysia Kelima, sudah tentulah IKM itu tidak akan dapat didirikan di negeri Kedah.

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN

6. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan sehingga masa ini sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai di dalam usaha memperluaskan Maahad Tahfiz Al-Quran. Berapa ramaikah Hafiz-hafiz telah dikeluarkan. Dan kejayaan Jabatan ini menubuhkan Darul Quran bagi meyakinkan lagi rakyat khususnya yang beragama Islam bahawa perkembangan syiar Islam begitu bersungguh-sungguh dilaksanakan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Noor): Tuan Yang di-Pertua, Maahad Tahfiz Al-Quran atau Institut Al-Quran mula diasaskan di bawah pengelolaan Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1966 bertempat di Masjid Negara. Pada permulaannya seramai 8 orang pelajar telah diambil dengan seorang tenaga pensyarah sahaja.

Hingga ke hari ini Maahad Tahfiz berusia 21 tahun dan telah berjaya mengeluarkan seramai 36 orang Hafiz Al-Quran, sebahagian daripada mereka dihantar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti Al-Azhar.

Pada keseluruhannya lulusan Maahad Tahfiz ini telah diterima berkhidmat dalam agensi Kerajaan Pusat dan juga Negeri-negeri. Pada masa ini Maahad Tahfiz Al-Quran diletakkan di bawah pengelolaan Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri dan mempunyai seramai 40 orang pelajar dengan 5 orang tenaga pensyarah.

Semenjak tahun 1983 Kerajaan telah memberi pengiktirafan kepada lulusan Maahad Tahfiz Al-Quran ini setaraf dengan kelulusan Diploma. Kerajaan memang berhasrat untuk memperkembangkan syiar Islam di

negara ini dan di antaranya ialah dengan meningkatkan Maahad Tahfiz Al-Quran ke arah penubuhan sebuah institusi pengajian setaraf dengan universiti yang diberi nama "Darul Quran". Rancangan ini masih dalam peringkat kajian dan penelitian oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah syarat-syarat kemasukan mereka yang ingin masuk ke Maahad Tahfiz?

Dato' Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, di antara syarat-syarat yang penting ialah:

- (1) Dia mestilah lelaki, berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan belum berkahwin.
- (2) Mempunyai kelulusan Sijil Menengah Agama atau IV Tanawi dan juga Sijil Menengah Kebangsaan Agama atau sijil-sijil yang setaraf dengannya termasuklah SPM dengan lulus dalam Bahasa Arab dan Pengetahuan Agama Islam.
- (3) Boleh membaca 30 juzuk Al-Quran dengan baik serta mampu menghafaz Quran sebanyak 10 baris ayat-ayat Quran dalam tempoh 1 jam.
- (4) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru sekejap tadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan satu daripada syarat hafaz Quran ataupun ditetapkan untuk menjadi penghafaz Quran itu

syaratnya ialah lelaki. Kenapa disyaratkan lelaki, adakah dalam Islam orang perempuan tidak dibolehkan ia hafaz Quran, mengapa bidang itu disekatkan kepada orang-orang perempuan? Itu yang pertama.

Yang kedua, penghafaz-penghafaz Quran ataupun Maahad Tahfiz Quran diberi jawatan-jawatan yang tertentu apabila mereka sudah berjaya menghafaz Quran. Apakah ijazah itu kepada mereka, adakah sesuatu ijazah yang tertentu?

Yang ketiga, apakah jawatan-jawatan yang diberi kepada mereka, adakah jawatan-jawatan itu bersangkutan dengan Quran sahaja ataupun jawatan itu diberi kepada apa sahaja line-line agama yang mereka boleh berkhidmat?

Yang keempat.....

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi baru yang kedua!

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sudah yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang keempat. Negeri Terengganu tiap-tiap seorang yang hafaz Quran diberi elaun bulanan \$800 sebulan sampai mati. Apakah di Jabatan Perdana Menteri ada memberi lebih daripada \$800 sebulan ataupun tidak ada langsung?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang bertanya mengapa lelaki sahaja pun ustaz juga, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang bertanya pun memang salah seorang yang qualified untuk masuk kerana dia lelaki dan ini tidak salah dengan peraturan Islam kerana ini syarat untuk masuk ke Institut Al-Quran, bukan untuk masuk Islam. Jadi Institut ini mengenakan syarat kepada mereka yang hendak masuk ke Institut ini pada masa ini. Apabila kita dapat mengembangkan

Darul Quran ini pada masa yang akan datang atau Maahad Hafaz Quran in-tentulah syarat-syarat ini boleh dikaji daripada semasa ke semasa. Jadi syarat ini adalah syarat sekarang.

Mengenai dengan apakah ijazah yang diberi, tadi telah saya sebutkan bahawa kita telah bersetuju supaya memberikan Diploma dan Diploma ini telah pun diiktiraf oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mengenai dengan soalan yang ketiga, jawatan apa, jawatan ini adalah ditentukan oleh pihak negeri-negeri kerana ia diberi oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini jawatan yang dipegang oleh mereka ialah seperti guru-guru Al-Quran yang diletakkan di bawah Jabatan Agama Negeri-negeri dan juga Imam-imam di masjid-masjid, Jawatan-jawatan yang tidak ada kaitan dengan Al-Quran setakat ini belum lagi diberi kepada mereka.

Perkara yang keempat, memanglah semua orang di Malaysia tahu bahawa Kerajaan Terengganu memang sebuah Kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang Al-Quran kerana itu diberi sebanyak \$800 sebulan kepada mereka yang menghafaz Quran dan ini adalah merupakan amalan negeri-negeri. Di peringkat Pusat, kita hanya menyelaraskan sahaja, terpulang kepada negeri-negeri untuk menimbangkannya.

PENGAJARAN KBSR—KESAN

7. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran KBSR setakat ini yang mana tahun pertama pengajaran KBSR akan berakhir pada tahun 1985.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa KBSR telah menimbulkan kesan yang positif terutama dari segi murid.

Penekanan KBSR ke atas pengajaran yang berpusatkan kepada murid, kepelbagaian aktiviti serta penglibatan semua murid dalam aktiviti yang berkenaan telah menghasilkan murid-murid yang lebih berminat dalam pembelajaran. Cadangan pengelolaan pengajaran seperti kaedah kelas, kumpulan, rakan sebaya dan individu serta penggunaan berbagai jenis bahan telah dapat memberi kepelbagaian dalam teknik pengajaran dan pembelajaran, gerakerja kumpulan khasnya pula dapat menanamkan sifat-sifat kepimpinan dan bekerjasama di kalangan murid-murid.

KBSR juga telah menegaskan bahawa aspek penilaian adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran dan hendaklah dijalankan berterusan. Ini adalah dengan tujuan supaya kelemahan tidak terkumpul dan langkah-langkah pemulihan dapat dijalankan dengan serta-merta. Program pemulihan dan pengkayaan dijalankan untuk mengambil kira bahawa murid berbeza dari segi pengalaman, tingkah-laku, amatan kecenderungan, bakat dan kebolehan.

Melalui temuramah dengan guru-guru KBSR, adalah didapati bahawa golongan murid-murid yang tahu membaca adalah lebih ramai daripada dalam KLSR dan mereka membaca lebih pantas daripada murid-murid dalam KLSR. Penilaian yang telah dijalankan yang menunjukkan bahawa pencapaian murid KBSR dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil adalah lebih baik daripada murid-murid dalam KLSR.

Dari sumber-sumber pengesanan yang lain didapati juga murid KBSR lebih cekap dan lebih berdikari.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau dan Kementerian beliau sedar atau tidak bahawa kebanyakan daripada sekolah-sekolah yang mengamalkan KBSR ini sedang menghadapi masalah kekurangan bilik darjah dan kekurangan guru dan ini telah mengakibatkan nisbah murid-murid dan guru yang jauh melebihi nisbah yang ditetapkan sebagai sesuai untuk pelaksanaan KBSR iaitu 35 orang murid bagi tiap-tiap guru atau tiap-tiap bilik darjah dan adakah beliau juga sedar bahawa keadaan sedemikian telah menjadi beban kerja bagi guru-guru itu terlalu berat sehingga guru-guru tidak sanggup mengendalikan kelas dengan begitu berkesan seperti yang dirancangkan?

Saya ingin bertanya juga sama ada di bawah sistem ini yang berdasarkan kepada satu sistem yang memberi pemulihan kepada murid-murid yang lemah, adakah ini bermaksud bahawa masa yang diperuntukkan ini akan menjadi flexible iaitu bagi murid-murid yang lemah akan diperuntukkan masa yang lebih kalau dibandingkan dengan murid-murid yang lain?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar iaitu sekolah-sekolah rendah sekarang mengalami kekurangan guru-guru dan bilik darjah yang diperlukan. Tetapi beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini seperti saya percaya angka guru-guru pelatih telah ditingkatkan daripada beberapa tahun dahulu dan ini kita harap dalam masa yang singkat akan mengatasi masalah kekurangan guru itu dan pembinaan bilik-bilik darjah baru sedang dan akan dijalankan untuk mengatasi masalah itu juga.

Soalan kedua iaitu sama ada flexibility akan diadakan dalam masa pendidikan di sekolah rendah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan murid-murid yang tidak begitu cekap, flexibility ini sentiasa ada dan masa

yang diperuntukkan itu akan digunakan oleh murid-murid yang lebih cekap dalam masa pembelajaran kekayaan di mana murid-murid yang lebih cepat, lebih cekap dan lebih berdikari akan diberi kemudahan-kemudahan lain untuk pengkayaan mereka.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian ini sedar ataupun tidak bahawa bagi mata pelajaran yang diajar di kelas-kelas KBSR terutamanya mata-mata pelajaran akhlak, kesenian, seni drama, seni tari, seni musik misalannya boleh mewujudkan perasaan kekitaan di antara murid-murid, mewujudkan dan menanam perasaan nasionalisma di kalangan murid-murid di samping boleh menghilangkan perasaan atau sentimen-sentimen primordial di kalangan murid-murid sekolah rendah ini. Jika sedar tentang hakikat tersebut, apakah langkah yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mencampurkan murid-murid di sekolah-sekolah rendah ini yang terdiri daripada berbilang kaum agar dengan adanya percampuran murid-murid ini boleh mewujudkan perasaan integrasi di kalangan jenerasi muda pada masa ini?

Jika sekiranya perkara ini menghadapi kesulitan untuk mewujudkan sekolah integrasi ini, apakah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan ke arah pencapaian matlamat integrasi sekolah-sekolah integrasi ini?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, tujuan-tujuan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu melalui pengajaran yang ada di sekolah rendah adalah tepat dan betul. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk mencantumkan murid-murid dari berbagai aliran yang ada di peringkat

sekolah rendah sekarang, saya percaya tidak akan dijalankan oleh kerana prinsip mengadakan tiga aliran di peringkat sekolah rendah adalah suatu cara yang telah disetujui dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Kementerian tidak ada kehendak untuk mengubah dasar itu.

Walau bagaimanapun Kementerian telah mencadangkan untuk mengatasi masalah ketidak cukupan masa untuk kanak-kanak kita yang di peringkat sekolah rendah untuk bercampur gaul dan mendapat persefahaman antara satu sama lain yang lebih mendalam, sesuatu rancangan integrasi murid-murid di peringkat sekolah rendah dan buat masa sekarang perbincangan dan perundingan sedang dijalankan dengan badan-badan yang akan terlibat dalam rancangan ini dan keputusan muktamad akan dibuat tidak lama lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kanak-kanak kita yang belajar di KBSR ini selama setahun maknanya selepas darjah satu ianya sudah boleh membaca dengan baik, boleh membaca surat-surat khabar dan juga boleh mengira dan juga boleh menghitung dengan baik. Jadi apakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan KBSR ini supaya ianya tidak acap kali sangat ditukar kurikulum yang ada sekarang ini supaya ianya sentiasa baru—KBSR, kurikulum baru maka ianya akan menjadi sentiasa baru?

Kedua, di dalam KBSR ini juga pengajaran ko-kurikulum diberatkan kepada anak-anak kita. Apakah ianya tidak akan menjejaskan pembelajaran anak-anak di dalam pelajaran biasa sebagaimana di dalam KBSR yang ada?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya KBSR telah dijalankan selama 3 tahun, bukan setahun dan pada akhir tahun ini telah sampai pada tahap yang pertama dan mulai tahun hadapan akan memasuki tahap yang kedua dan ini akan terus dijalankan oleh kerana ini adalah satu kurikulum yang baik dan baru.

Mengenai ko-kurikulum yang sedang dicantumkan dalam KBSR, Kementerian percaya pengajaran seseorang kanak-kanak mestilah secara menyeluruh dan bukan menumpukan perhatian kepada subjek-subjek akademik sahaja dan ada kegiatan-kegiatan lain seperti yang ada di ko-kurikulum yang akan menanam nilai-nilai yang berfaedah kepada murid-murid.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah penangguhan peperiksaan KBSR tahun ini membayangkan bahawa bukan sahaja perancangan tetapi pelaksanaan KBSR tidak cekap dan tidak teratur?

Kedua, oleh kerana ibu bapa-ibu bapa sangat bimbang pencapaian murid-murid di sekolah-sekolah rendah jenis aliran bahasa Cina di bawah KBSR dalam mutu pelajaran bahasa Inggeris, adakah Kementerian Pelajaran akan mengubahsuaikan jadual KBSR supaya pencapaian murid-murid dalam bahasa Inggeris boleh ditingkatkan?

Ketiga, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan mengenai program sekolah integrasi. Oleh kerana program ini ada ditentang hebat khasnya termasuk sekolah-sekolah yang ada dipilih oleh Kementerian untuk melaksanakan "pilot programme", dan oleh kerana Presiden MCA sendiri dalam Dewan yang mulia ini pun ada menentang program ini, adakah Yang Berhormat Perdana Menteri akan mematuhi kepada dasar MCA, kalau itu dasar

MCA dan supaya menerima pendirian orang ramai dan membatalkan program ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah program KBSR termasuk program integrasi sebahagian daripada subjek yang sama?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tidak. Tetapi

Tuan Lim Kit Siang: Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, dari berbagai penilaian yang telah dibuat atas pencapaian murid-murid yang mengikuti KBSR hasil yang didapati dari penilaian itu murid-murid kita pada masa ini telah mencapai kejayaan yang lebih tinggi dan saya percaya tidaklah perlu mengubah suai apa-apa kurikulum yang ada.

Mengenai soalan yang kedua, iaitu tentang rancangan integrasi murid-murid, saya percaya ini adalah kekeliruan yang ada di dalam sesuatu masyarakat sekarang adalah oleh kerana mereka tidak memahami dengan mendalamnya tujuan atau cara perlaksanaan rancangan ini. Dan saya percaya, apabila cara perlaksanaan ini diumumkan atau dikeluarkan, persefahaman yang lebih mendalam boleh didapati di dalam kalangan-kalangan yang sedang dikelirukan oleh sesuatu golongan yang kecil. Dan saya berharap orang ramai akan sabar dan menunggu samapai, saya ingat beberapa hari lagi di mana cara perlaksanaannya akan diumumkan, akan dibincangkan seperti yang saya terangkan tadi dengan badan-badan yang berkenaan. Dan saya percaya

melalui perbincangan dan perundingan ini persefahaman yang lebih mendalam akan dicapai.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai peperiksaan iaitu bahagian pertama, soal Peperiksaan KBSR mungkin ditupakan. (*Disampuk*) Saya ada bertanya, bukan saya tidak ada bertanya. Untuk ingatkan sahaja.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada beberapa cara penilaian yang telah dibuat, kita menganggap tidaklah perlu mengadakan beberapa peperiksaan sekarang oleh kerana sekarang ini di peringkat Sekolah Rendah sudah ada Peperiksaan Penilaian (Assessment) Darjah Lima. Dan setakat ini, buat masa ini kita memikirkan tidak perlu untuk mengadakan suatu peperiksaan yang lain.

KEMPEN BELILAH BARANG BUATAN MALAYSIA

8. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sekop dan prestasi usaha-usaha Kerajaan untuk rakyat negara membeli barang-barang buatan Malaysia dan sama ada usaha-usaha dibuat untuk barang-barang yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan juga diberi perhatian dan dilindungi oleh agensi-agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Sila nyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu badan khas bagi menyelaraskan kegiatan pemasaran barang-barang tersebut di dalam negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada soalan ini telah pun saya jelaskan dalam menjawab soalan asal Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar semalam.

Walau bagaimanapun saya ingin menambah iaitu bahawa Kerajaan juga menggalakkan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan supaya mengutamakan barangan tempatan, melalui arahan-arahan tertentu Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15/83 memberi garis-garis panduan yang jelas kepada semua agensi Kerajaan supaya menggunakan barangan-barangan tempatan dalam pembelian mereka. Usaha-usaha di antara Jabatan-jabatan Kerajaan juga diadakan untuk menentukan bahawa barangan tempatan diberi keutamaan di dalam kontrak-kontrak dan juga projek-projek "turnkey" Kerajaan sendiri.

Segala usaha yang dijalankan sekarang didapati berkesan. Oleh yang demikian, tidaklah perlu ditubuhkan suatu badan khas seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian walaupun soalan ini sebahagian besarnya telah pun dijawab, tetapi ada satu lagi Yang Berhormat tidak menjawabnya iaitu adakah barang-barang buatan negara kita ini dieksport ke luar negeri. Dan sekiranya ada, apakah tidak akan berlaku barang-barang yang dieksport itu mutunya lebih baik daripada barang yang dipasarkan di dalam negara kita, dengan sebab yang dipasarkan di dalam negeri ini kurang bermutu dan yang dieksport itu lebih bermutu maka pertandingan dengan barang-barang yang diimport daripada luar ia akan menjadi kurang bermutu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa sebahagian besar daripada barang yang kita usahakan dieksport ke luar negeri terutama barang-barang dari sektor pembuatan. Saya percaya tidak ada sebab mengapa

terdapat dua peringkat mutu untuk barang yang dihasilkan iaitu kalau dieksport mesti mutunya lebih baik daripada barang yang dikeluarkan untuk pasaran dalam negeri.

Setakat ini kita telah pun meninjau bahawa tidak ada bukti yang nyata yang menunjukkan ada perbezaan mutu di antara barangan untuk eksport dan barang dalam negeri,

PASUKAN POLIS BERKUDA

9. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri memberi laporan terbaru berkaitan dengan penubuhan pasukan Polis berkuda, jumlah kuda-kuda yang diimport bagi tujuan tersebut, kos kuda-kuda tersebut serta kos pengangkutannya dan sama ada benar kuda-kuda yang dibawa masuk itu semuanya telah mati.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Unit Berkuda Polis Di-Raja Malaysia telah ditubuhkan pada 22-8-1984. Kerajaan telah membeli enam ekor kuda dari Pakistan dengan harga \$31,710 iaitu \$5,285 seekor di mana kuda-kuda ini dibawa dengan menggunakan kapal Tentera Laut Di-Raja Malaysia dan kos pengangkutan setelah tiba di sini ialah sebanyak \$1,600.

Sukacilalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi bahawa semua kuda tersebut masih hidup (*Ketawa*) dan sedang giat menjalani latihan lasak di Selangor Polo and Riding School, Ampang Hilir.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi kuda-kuda ini dibeli dengan harga \$31,710 dan perbelanjaan pengangkutannya sebanyak \$1,600 dan ini sudah

berjumlah sebanyak \$31,000 lebih. Adakah Kerajaan bercadang iaitu Kementerian Dalam Negeri ini mengambil kuda-kuda yang kalah dalam perlumbaan di Race Course sana, dengan izin, bagi menjimatkan belanja.

Yang kedua, saya hendak bertanya, apakah fungsi atau kerja-kerja kuda ini kepada Polis ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau ambil kuda kalah tidak tinggilah mutu Polis pula.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, ia boleh lari tetapi tidak begitu laju sangat. Kenderaan sudah banyak.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri, apakah fungsi dan kerja-kerja kuda kepada Polis itu?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Pasukan Polis Di-Raja Malaysia memilih kuda-kuda yang baik belaka. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kuda-kuda yang dibeli adalah semuanya daripada jenis "thorough breed" iaitu jenis kuda yang lebih gagah dan tahan berdiri dan juga berjalan lebih jauh dan lama berbanding dengan kuda-kuda jenis lain termasuklah kuda-kuda yang kalah sepertimana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi.

Untuk menjawab soalan yang kedua, apakah tujuannya kita menubuhkan Pasukan Berkuda ini dan kegunaannya kepada Pasukan Polis Di-Raja Malaysia, dirancangan bahawa jika tertubuhnya pasukan ini maka segala upacara, istiadat, perbarisan, perayaan boleh digunakan melalui kuda-kuda tadi dan juga mengawal orang ramai, menyuraikan perhimpunan haram atau rusuhan, kerana kuda-kuda ini didapati bahawa

mereka lebih tinggi daripada kuda-kuda biasa dan dengan itu boleh anggota Polis yang duduk di atasnya nampak daripada jauh dan dengan lebih jelas. Juga kuda-kuda ini boleh melepasi rintangan-rintangan dengan mudah seperti parit, longkang dan seterusnya. Selain daripada itu ia membawa satu prestigious yang lebih gemilang lagi kepada pasukan Polis Di-Raja Malaysia.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sebagaimana yang diterangkan bahawa setakat ini ada 6 ekor kuda yang telah dibeli untuk Pasukan Polis Berkuda dan tujuannya ialah untuk menyuraikan jika berlaku tunjuk-tunjuk perasaan dan sebagainya. Jadi bagaimana dengan jumlah yang begitu kecil, pihak pasukan ini dapat mengawasi keadaan-keadaan jika berlaku di seluruh negara. Soalan saya, adakah pihak Kementerian ini bercadang untuk membesarkan Unit Pasukan Berkuda ini ke seluruh negara dan kalau ada bilakah perkara itu akan dilaksanakan?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Pasukan Unit Berkuda ini adalah atas dasar percubaan dan buat masa sekarang masih lagi dalam kajian dan jika didapati sesuai mungkin bukan sahaja akan diperkembangkan, bahkan perjawatan-perjawatan dalam pasukan tersebut akan diambilkira.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah lojiknya membeli kuda dari Pakistan oleh sebab kita ada kuda tempatan yang boleh digunakan dengan murah sekali—"kuda padi"; dan

Soalan kedua iaitu

Timbalan Yang di-Pertua: Kuda padi dengan kuda tempatan itu lain, Yang Berhormat.

Tuan Yew Foo Weng: Soalan yang kedua iaitu dengan masalah kemalangan dan bayaran insurans, oleh kerana jika ada berlaku kuda gigit orang jadi gila, tendang orang, mengotorkan jalan raya dengan najis dan air kencing itu masalah yang akan timbul, adakah pihak Kerajaan membuat kajian sebelum mengadakan pasukan ini?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah penubuhan Pasukan Unit Berkuda ini telah dirancang lama lagi semenjak tahun 1970, tetapi dengan keadaan kewangan negara, maka ditangguhkan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun difikirkan semula atas arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita dan secara kebetulan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat Pakistan, Yang Amat Berhormat telah dihadihkan oleh Kerajaan Negara Pakistan dengan dua ekor kuda dan inilah kuda yang menjadi perintis kepada pasukan kita ini. Enam ekor kuda yang kita beli kalau dicampur dengan dua ekor yang dihadihkan ini bermakna sekarang ini Unit Berkuda Polis Di-Raja Malaysia mempunyai 8 ekor kuda semuanya.

Mengenai insurans dan kemalangan seterusnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ini kita akan mengkaji apabila tertubuhnya dengan lebih sempurna lagi Pasukan yang sekarang ini masih dalam kajian.

PROJEK STESEN HIDRO BAKUN

10. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benarkah perbelanjaan pembinaan stesen pengeluaran hidro-elektrik Bakun, Sarawak boleh dikurangkan, kalau

boleh, adakah benar Kerajaan menimbangkan untuk mengurangkan bayaran elektrik untuk pelanggan-pelanggan Negeri Sarawak, kalau tidak, apa sebabnya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menyatakan pada masa ini sama ada benar atau tidak perbelanjaan bagi pembinaan Projek Stesen Hidro Bakun boleh dikurangkan lagi, kerana perbelanjaannya itu hanya boleh diketahui setelah urusan tender mengenainya selesai diambil tindakan, sedangkan setakat ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan masih belum membuat keputusan sama ada untuk melaksanakan projek ini atau sebaliknya.

GRADUAN SAINS— TAWARAN PEKERJAAN

11. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak ramai graduan kursus pendidikan sains dari universiti-universiti tempatan pada dua tahun kebelakangan ini tidak berjaya mendapat kerja sebagai guru-guru sains dalam sekolah-sekolah Kerajaan. Oleh itu, adakah wujudnya kelebihan guru-guru sains. Sebenarnya bagaimanakah pihak Kementerian menakrifkan "kelebihan" dalam kes ini berdasarkan nisbah guru-guru murid atau guru setiap kelas yang ditetapkan, ataupun berdasarkan bilangan jawatan yang dihadkan hanya oleh pertimbangan-pertimbangan kewangan. Mengapa universiti-universiti tempatan masih menerima semakin banyak pelajar ke dalam kursus pendidikan sains. Pada amnya, bagaimanakah Kementerian merancang hal permintaan dan penawaran guru-guru sains dalam sistem pendidikan kita.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar sebilangan siswazah Sains dan Matematik dengan Pendidikan dari universiti-universiti tempatan pada dua tahun kebelakangan ini tidak dapat ditempatkan di sekolah-sekolah.

Dalam perkara ini saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada keseluruhannya memang wujud lebihan guru-guru sains, lebihan ini dikira dengan membandingkan bilangan guru sains yang ada dengan bilangan guru sains yang diperlukan.

Anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa universiti-universiti tempatan masih menerima semakin ramai pelajar mengambil Kursus Pendidikan Sains adalah tidak benar. Pengambilan pelajar ke Kursus Pendidikan Sains di universiti-universiti tempatan masih diteruskan untuk keperluan masa depan, tetapi jumlahnya secara keseluruhannya semakin berkurangan dari setahun ke setahun.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah pihak Kementerian menakhfkan bilangan guru-guru dalam berbagai bidang pelajaran yang diperlukan iaitu adakah ini berdasarkan kepada satu nisbah guru-murid yang ditetapkan ataupun ianya hanya bergantung kepada pertimbangan-pertimbangan kewangan, sekatan-sekatan kewangan dan sebagainya dan bukan kepada nisbah yang telah ditetapkan itu?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa cara untuk mendapatkan angka-angka yang disebutkan itu. Oleh kerana perancang tenaga manusia adalah satu sains dan ada beberapa cara, tetapi buat masa ini saya tidak dapat

memberi penjelasan apakah cara yang digunakan oleh Pejabat Perancangan Pendidikan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah Yang Berhormat dapat memberi angka sebenarnya mengenai bilangan pengangguran di kalangan graduan?

Kedua, adakah Kementerian menyelaraskan kursus-kursus yang ada di dalam universiti tempatan dengan keperluan tenaga di negara ini supaya graduan-graduan ataupun bakal graduan tidak akan menghadapi nasib pengangguran?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tujuan universiti-universiti yang ada di negara kita adalah untuk memberi pendidikan yang luas asasnya kepada setiap pelajar oleh kerana bila pelajar itu menggraduatekan dia adalah flexibility di atas mencari kerja-kerja yang ianya boleh buat dan universiti-universiti tidak mengingini memberi pelajaran yang khusus sekati yang akan mengakibatkan graduan itu apabila dia graduate tidak boleh mencari kerja-kerja lain selain daripada apa yang telah dilatih.

Tuan Yang di-Pertua, dari angka-angka yang saya ada sekarang mengenai graduan Sains dan Pendidikan, di dalam tahun 1985 adalah 147 graduan Sains dan Pendidikan yang tidak dapat kerja di sekolah-sekolah dan dari ini Kementerian Pelajaran telah mengadakan suatu kursus conversion iaitu mengubahkan graduan-graduan ini kepada subjek-subjek lain dan apabila kita menawarkan tempat kursus ini kepada 102 graduan itu hanya 34 sahaja yang menerima tawaran itu. Ini saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, telah membuktikan iaitu graduan-graduan kita telah mengadakan suatu pembelajaran yang luas yang memberikan kepadanya flexibility untuk mencari kerja.

HOTEL KELAS EKONOMI

12. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Pehndustrian menyatakan:

- (a) apakah benar Kerajaan menggalakkan wujudnya hotel-hotel yang bertaraf dua bintang atau tiga bintang selaras dengan usahanya dalam mempergiatkan sektor pelancongan; dan
- (b) apakah kemudahan yang akan diberikan kepada bakal-bakal usahawannya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, taraf hotel di Malaysia tidak dibahagikan mengikut bintang, tetapi sebaliknya dikelaskan kepada Kelas Mewah, Kelas Pertama dan Kelas Kedua.

Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat mengenai hotel bertaraf dua bintang atau tiga bintang adalah hotel-hotel kecil kelas ekonomi yang baru-baru ini telah digolongkan dalam hotel kelas kedua.

Adalah benar bahawa Kerajaan memang menggalakkan penubuhan hotel-hotel kecil kelas ekonomi ini untuk memenuhi keperluan "budget class travellers", dengan izin, dari luar negeri dan juga daripada dalam negeri. Untuk tujuan tersebut Kerajaan baru-baru ini telah meneruskan standard yang diluluskan bagi hotel kelas kedua untuk meliputi juga hotel-hotel kecil Kelas Ekonomi. Keperluan-keperluan asas dalam standard Kelas Kedua telah pun diturunkan termasuk jumlah minima bilik yang mana telah pun dikurangkan kepada 20 buah bagi kawasan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan 10 buah bagi kawasan-kawasan lain berbanding dengan 40 dan 20 buah masing-masing sebelumnya.

Penurunan standard ini membolehkan hotel-hotel Kelas Ekonomi ini layak untuk mendapat

galakan-galakan seperti juga hotel-hotel besar yang lain seperti taraf perintis, kredit cukai hotel dan potongan pendapatan yang dikenakan cukai.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pembinaan hotel-hotel yang bertaraf kelas pertama atau kelas kedua yang melibatkan kelulusan dan/atau kelonggaran pihak-pihak Berkuasa Negeri, apakah Kerajaan Persekutuan akan menasihatkan mereka, memberi kelonggaran dari segi pemecahan dan penggunaan tanah?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri iaitu dari segi belah bahagi dan ubah syarat dan saya percaya oleh sebab soal pelancongan sekarang ini diberi tekanan dan keutamaan sebagai satu daripada industri yang diberikan keutamaan, maka Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mengambil sikap yang lebih liberal ataupun lebih longgar tetapi kalau yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu mungkin kes-kes spesifik, saya fikir boleh diajukan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya pertimbangan yang lebih wajar diberikan untuk mendapat kelulusan.

PELAJAR DI UNIVERSITI TEMPATAN/LUAR NEGERI— BILANGAN

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang berada dalam setiap universiti tempatan dan bilangan pelajar-pelajar yang sedang mendapat pelajaran tinggi di seberang laut; dan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah universiti Kerajaan atau swasta setiap tahun untuk lima tahun akan datang ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima

dari 1986—1990 supaya menjelang 1990, sebilangan besar pelajar-pelajar Malaysia yang mempelajari pelajaran tinggi akan berbuat demikian di sini agar pertukaran wang asing dapat dijimatkan dan beban kewangan ibu bapa-ibu bapa dapat dikurangkan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang menuntut di universiti tempatan ialah seramai 40,892 orang. Bilangan bagi setiap universiti adalah seperti berikut:

<i>Universiti</i>	<i>Bilangan Pelajar</i>
1. Universiti Kebangsaan Malaysia	9,250
2. Universiti Malaya ..	10,021
3. Universiti Sains Malaysia	7,053
4. Universiti Teknologi Malaysia	6,595
5. Universiti Pertanian Malaysia	7,253
6. Universiti Utara Malaysia	330
7. Universiti Islam Antarabangsa	390
Jumlah ..	<hr/> 40,892 <hr/>

Mengikut maklumat yang terkumpul di Kementerian Pelajaran pada masa ini, terdapat seramai 39,162 pelajar yang menuntut di seberang laut. Angka tersebut ialah bilangan pelajar yang mendaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia ataupun dengan Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri.

Pada masa sekarang, Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti setiap tahun bagi tempoh lima tahun di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Ini adalah kerana universiti-universiti tempatan yang ada boleh diperkembangkan lagi bagi menampung keperluan pelajaran tinggi di Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Kementerian Pelajaran berhasrat untuk menukar sikap mengenai penubuhan universiti swasta, khususnya pada peringkat di mana Kerajaan sudah melancarkan program penswastaaan, dan kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam perisytiharan yang diluluskan oleh 27 buah pertubuhan-pertubuhan masyarakat Cina pun ada satu desakan untuk membenarkan universiti swasta? Akankah perkara ini ditimbang oleh Kementerian Pelajaran dan dirujuk kepada Kabinet supaya satu dasar yang baru boleh diadakan?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan sekarang mengenai kolej swasta ini adalah telah dijalankan dan oleh kerana itu beberapa kolej swasta telah ditubuhkan tetapi setakat ini mengenai universiti swasta Kerajaan masih lagi tidak mengubah sikapnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 14 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).

POLISI "BUY BRITISH LAST"

3. Tuan Tan Kok Hooi minta Perdana Menteri menyatakan adakah polisi "Buy British Last" masih kekal lagi. Sepanjang masa polisi ini diadakan, siapakah yang mendapat untung, Malaysia atau Britain.

Perdana Menteri: Kerajaan pada masa ini tidak mempunyai apa-apa dasar yang mengeneipkan sesebuah negara di dalam pembelian atau kontraknya.

Semasa dasar "Buy British Last" diamalkan dahulu, negara ini tidak mengalami apa-apa kerugian oleh kerana pembelian masih dibuat berasaskan kepada persaingan tawaran (competitive bidding) dan pemilihan dibuat bagi tawaran yang paling menguntungkan.

MAS—MENGURANGKAN TAMBANG

14. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan terdapat banyak aduan mengenai tambang teksi yang terlalu tinggi dikenakan oleh drebar-drebar teksi di Stesen Keretapi Kuala Lumpur, adakah beliau bercadang menubuh sebuah syarikat perkhidmatan teksi sebagai anak syarikat Keretapi Tanah Melayu berpengkalan di Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan menggunakan kupon pembayaran (coupon payment system) bagi kemudahan penumpang-penumpang.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan); Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menswastakan seberapa banyak yang boleh perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan yang sedang dikendalikan olehnya sekarang. Sistem perkhidmatan keretapi adalah di antara satu perkhidmatan yang hendak diswastakan. Oleh yang demikian, adalah kurang sesuai pada ketika ini bagi Keretapi Tanah Melayu menubuhkan sebuah syarikat perkhidmatan teksi sebagai anak syahkat Keretapi Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, saya memang sedar tentang aduan-aduan yang dibuat oleh penumpang-penumpang terhadap perkhidmatan-perkhidmatan teksi di Stesen Keretapi Kuala Lumpur. Pemandu-pemandu teksi yang mengenakan kadar tambang yang terlalu tinggi akan dikenakan tindakan oleh Jabatan

Pengangkutan Jalan. Dalam hubungan ini, kita jua memerlukan kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kes-kes tersebut kepada kita bagi menentukan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

IJAZAH-IJAZAH UNIVERSITI— PENGIKTIRAFAN

15. Tuan Ibrahim bin Azmi Hassan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah ijazah-ijazah universiti seberang laut yang diiktirafkan tarafnya sama dengan ijazah-ijazah universiti tempatan dalam negeri, jikasama, adakah ijazah-ijazah universiti-universiti yang tertentu sahaja atau ada berbeza-beza.
- (b) sama ada ijazah-ijazah Perubatan dari mana-mana universiti dalam dunia ini sama pengiktirafannya antara universiti-universiti yang berlainan dan apakah perbezaan kedudukan taraf ijazah antara ijazah perubatan dari universiti-universiti negara Eropah-Amerika dengan ijazah universiti seperti India-Indonesia dan sebagainya adakah sama penilaiannya di sisi Kerajaan Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Apabila ijazah-ijazah dari universiti-universiti seberang laut diiktiraf maka nilainya adalah sama dengan ijazah-ijazah tempatan oleh kerana nilainya diukur dari nilai ijazah-ijazah universiti tempatan. Soal taraf ijazah tinggi rendah tidak timbul. Soal pokoknya ialah sama ada ijazah itu diiktiraf atau tidak.

Ijazah-ijazah perubatan dari universiti-universiti negara lain adalah juga diukur dengan menggunakan nilai taraf ijazah perubatan tempatan seperti yang telah diterangkan tadi.

Oleh yang demikian, apabila ijazah perubatan dari sesebuah universiti luar itu sudah diiktiraf maka ertinya ijazah itu adalah setaraf dengan ijazah-ijazah perubatan tempatan tidak kira negara asal usulnya.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

16. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hutang negara sehingga Jun 1985 ini, dan nyatakan apakah jenis bahagian hutang-hutang tersebut, serta apakah strategi Kerajaan dalam usaha bagi mengurang dan menjamin atas hutang-hutang tersebut dapat dijelaskan menurut jadual dengan tidak menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara pada keseluruhannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Kedudukan jumlah baki hutang Kerajaan Persekutuan seperti pada 30hb Jun, 1985 adalah berjumlah \$60.3 ribu juta iaitu terdiri daripada jumlah hutang luar negeri sebanyak \$21.4 ribu juta dan jumlah hutang dalam negeri sebanyak \$38.9 ribu juta. Jumlah hutang Luar Negeri Malaysia pula yang termasuk Jaminan Kerajaan dan pinjaman Luar Negeri Sektor Swasta ialah sebanyak \$39.6 ribu juta.

Kerajaan sentiasa berwaspada di dalam menguruskan pinjaman-pinjaman yang diperolehi bagi tujuan membiayai pembangunan dan memastikan bahawa segala pembayaran balik hutang adalah dibuat mengikut jadual tanpa menjejaskan kegiatan ekonomi dan pembangunan negara pada keseluruhannya. Kerajaan telah pun mengambil langkah untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan di samping mengawal perbelanjaan mengurus semenjak tahun 1982 lagi. Kerajaan akan

meneruskan tindakan mengurangkan jumlah perbelanjaan sektor awam bagi memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran dan belanjawan negara. Di samping itu Kerajaan akan meneruskan amalan dasar penjimatan dan pengurusan sumber kewangan yang teliti untuk memastikan bahawa perbelanjaan dilakukan selari dengan hasil negara dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara.

PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN DALAM INDUSTRI BERAT/RINGAN

17. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagi setiap jenis kilang di dalam industri berat dan industri ringan:

- (a) jumlah bilangan pekerja yang telah diberhentikan kerja dan bilangan yang masih diupahkan menjelang bulan September, 1985;
- (b) tingkat kemahiran yang dicapai oleh pekerja-pekerja kilang dalam proses pemindahan teknologi, terutama mereka yang bekerja di dalam bidang elektronik;
- (c) sama ada rancangan Kerajaan untuk mengintegrasikan sektor komoditi akan dapat menyumbangkan peluang kerja untuk mereka ini yang telah diberhentikan kerja memandangkan kepada tingkat kemahiran yang telah dicapai. Jika tidak, mengapa dan bagaimanakah Kerajaan akan berusaha untuk mewujudkan peluang kerja yang baru untuk mereka ini;
- (d) memandangkan bahawa rancangan mengintegrasikan sektor komoditi akan juga

melibatkan penyelidikan dan pembangunan, pembaharuan teknologi, pemindahan teknologi, pemerosesan "down stream", apakah jumlah peruntukan yang dicadangkan untuk menjayakan rancangan ini dan seterusnya melatih buruh yang mahir.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:

- (a) Sistem maklumat mengesan kedudukan pekerjaan dan pengangguran di seluruh negara yang wujud sekarang tidak membuat penjenisan mengikut pembahagian kepada industri berat dan industri ringan. Mengikut Laporan Kajian Separuh Penggal RME jumlah pekerjaan di negara ini adalah dianggarkan sebanyak 5,575,900. Daripada jumlah tersebut, seramai 22,421 pekerja telah diberhentikan kerja dalam tahun 1982 sehingga Ogos, 1985.
- (b) Mengenai tingkat kemahiran yang dicapai oleh pekerja-pekerja kilang terutamanya kilang elektronik, kajian menunjukkan bahawa tingkat kemahirannya adalah rendah, iaitu setakat operasi "pasang memasang" (assembly operation, dengan izin). Keadaan ini berpunca daripada sifat industri elektronik di negara kita yang masih bergantung sepenuhnya kepada syarikat-syarikat induk mereka di negara yang maju untuk mendapatkan hasil usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan.

Bagi mereka yang telah diberhentikan kerja, Kerajaan telah menasihatkan mereka supaya mendaftar diri masing-masing di Pejabat-pejabat

Buruh. Mereka akan diberi keutamaan jika ada peluang kerja kosong. Sehubungan dengan ini, sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan ini kepada teks ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan dahulu yang menyatakan terdapatnya kira-kira 8,000 kerja kosong di sektor perladangan.

- (c) Rancangan integrasi sektor-sektor ekonomi tidak boleh dianggap sebagai satu rancangan segera untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja. Sebaliknya ia hendaklah dilihat sebagai suatu usaha untuk memberi penyelesaian masalah jangka masa panjang (long term solution, dengan izin). Rancangan untuk mengwujudkan integrasi antara sektor-sektor ekonomi dijangka akan meletakkan ekonomi negara kita pada asas yang lebih kukuh dan dengan demikian akan dapat menjamin antara lain, pertumbuhan pekerjaan yang stabil.
- (d) Pelaksanaan rancangan integrasi sektor-sektor ekonomi ini memerlukan penyelidikan dan pembangunan, pembaharuan dan pemindahan teknologi dan pemerosesan "down stream", seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, sejajar dengan hasrat Kerajaan sekarang yang mahukan peningkatan peranan sektor swasta dalam mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara, maka usaha-usaha sedemikian akan digalakkan untuk dilaksanakan oleh pengilang-pengilang sendiri sama ada secara individu atau berusahasama.

PERDAGANGAN MINYAK KELAPA SAWIT

18. Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) kenapa India membuat suatu tempahan minyak kelapa sawit dengan Indonesia apabila sepanjang masa ini, India adalah pembeli terbesar minyak kelapa sawit Malaysia;
- (b) bagaimanakah kita boleh hilang perdagangan minyak kelapa sawit dengan Pakistan yang negaranya dalam bulan Julai ini telah bercadang untuk mengimport minyak kelapa sawit Indonesia sebagai pengganti kepada minyak kelapa sawit Malaysia; dan
- (c) apakah strategi tindakbalas yang Kementeriaannya adakah untuk memenangi balik pasaran minyak kelapa sawit India dan Pakistan untuk Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob); Izinkan saya menjawab soalan (a) dan (b) secara serentak.

Tindakan India dan Pakistan mendapatkan bekalan minyak kelapa sawit daripada Indonesia sejak kebelakangan ini adalah berpunca daripada langkah pengeksporth-pengeksport Indonesia menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh pengeksporth-pengeksport Malaysia. Tindakan negara-negara tersebut dapat juga disifatkan sebagai langkah menampakkan ketidakpuasan mereka terhadap defisit yang semakin meningkat di dalam imbalan perdagangan mereka dengan Malaysia akibat pembelian minyak kelapa sawit mereka yang besar daripada negara kita. Kalau dahulu negara-negara tersebut tidak mempunyai punca bekalan minyak kelapa sawit selain

daripada Malaysia, tetapi kini mereka boleh mendapatkan bekalan daripada Indonesia berikutan munculnya negara berkenaan sebagai pengeksporth minyak kelapa sawit yang aktif sejak kebelakangan ini.

Berhubung dengan soalan (c), saya jelaskan bahawa strategi tindakbalas yang komprehensif sedang disusun untuk menghadapi persaingan yang semakin bertambah daripada Indonesia. Strategi tersebut akan mengandungi langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sesuai, dengan mengambil kira tentang perlunya diperbetulkan kedudukan imbalan perdagangan negara dengan India dan Pakistan, dan tentang perlunya ditingkatkan tagi daya persaingan minyak kelapa sawit negara di pasaran eksport. Oleh kerana sesuatu strategi tindakbalas itu tidak sewajarnya diketahui oleh pihak pesaing, maka saya tidak bercadang untuk mengumumkannya buat ketika ini.

DASAR EKONOMI NASIONAL

19. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengambil alih tempat Dasar Ekonomi Baru dengan merangka satu Dasar Ekonomi Nasional jika ya, sila jelaskan butir-butir tentang Dasar Ekonomi Nasional yang sedang disiapkan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta ini mempunyai maksud yang sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah pun dijawab pada 15hb Oktober, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan- tersebut. Namun demikian, saya ingin menekankan bahawa buat masa ini belum terdapat sebarang keputusan yang dibuat oleh Kerajaan bagi tujuan

mengambilalih peranan Dasar Ekonomi Baru dengan lain-lain dasar. Apa yang penting kepada Kerajaan ialah memberikan tumpuan dan perhatian lebih besar dan melipatgandakan lagi usaha pelaksanaan program-program Dasar Ekonomi Baru, supaya matlamat-matlamat asas yang telah ditentukan dapat dicapai.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KEMASUKAN

20. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir-butir yang lengkap mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menahan kemasukan pendatang-pendatang haram dari Indonesia ke Malaysia seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri sedang meningkatkan kawalan di pintu-pintu masuk rasmi ke negara ini serta memesatkan lagi rondaan di kawasan pengairan dan sempadan daratan bagi mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Tugas ini dilaksanakan bersama oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis di Raja Malaysia. Pada masa ini pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak-pihak lain, seperti RELA dan Pasukan Petugas VII bagi mencegah kemasukan pendatang haram ke negara ini.

KEMALANGAN DI LEBUHRAYA KARAK

21. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilangan dan sebab-sebab kerapnya berlaku kemalangan yang dahsyat di Lebuhraya-lebuhraya Persekutuan

terutama di Lebuhraya Karak dan apakah tindakan yang diambil untuk mengelakkan perkara ini terutama oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Mengikut Laporan Polis Di Raja Malaysia, bilangan kemalangan Lebuhraya di seluruh negara ini pada tahun 1983 dan Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak pada tahun 1984 adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah Kemalangan</i>	<i>Jumlah Kematian</i>
Tahun 1983	72,634	3,220
<i>Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak</i>		
Tahun 1984	321	29

Mengikut laporan polis itu juga lebih daripada 90% bilangan kemalangan di seluruh negara ini didapati adalah disebabkan oleh kecuaiian pemandu-pemandu itu sendiri, hanya 1.25% adalah disebabkan oleh keadaan jalan raya. Begitu juga keadaannya di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak, di mana kecuaiian pemandu-pemandu adalah punca utama menyebabkan kemalangan itu, seperti memotong di tempat-tempat yang dilarang memotong, meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan yang sememangnya dilarang, dan keadaan kenderaan yang tidak baik, atau "vehicle defect", seperti keadaan berek yang tidak begitu "effective".

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya telah pun mengenalpasti kawasan-kawasan jalan raya di negara ini yang boleh mengakibatkan kemalangan. Lebih daripada 250 kawasan-kawasan tersebut telah pun dikenalpasti dan diberi kedudukan keutamaan (ranking) dari segi kekerapan kemalangan, bilangan kematian dan kecederaan berpandukan data-data yang disimpan oleh pihak polis.

Kawasan-kawasan tersebut akan diperbaiki mengikut peruntukan yang telah disediakan.

Bagi Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak khususnya, di antara langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan berlakunya kemalangan di Lebuhraya itu adalah seperti berikut:

- (i) Menambahkan pemasangan isyarat-isyarat amaran,
- (ii) Memasang lampu isyarat jenis "Flashing Beacons" di kawasan-kawasan kemalangan,
- (iii) Menambah garisan di permukaan jalan,
- (iv) Mengecat semula garisan permukaan jalan yang sedia ada.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (4hb November, 1985).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibetulkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (4hb November, 1985).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Ahli dari Bagan Datok menyambung serta menggulung perbahasan dan menggunakan Peraturan Mesyuarat 35 (7), saya menghadkan masa kepada beliau sebanyak 10 minit. Silakan Ahli Yang Berhormat.

3.37ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok); Bismillahhir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya ucap semalam dalam menyokong perbahasan mengenai perbelanjaan bagi tahun 1986, saya ingin menggulung sedikit sahaja lagi oleh sebab masa diperuntukkan selama 10 minit, sebenarnya saya ingin menggulung selama satu jam tetapi disebabkan mengikut peraturan saya patuhlah, Tuan Yang di-Pertua.

Sebab-sebab saya menyokong Dasar Ekonomi Baru sepertimana saya terangkan semalam supaya dilanjutkan

oleh Kerajaan adalah kerana Dasar Ekonomi Baru itu sendiri memberi jaminan kepada kaum-kaum lain ataupun yang bukan bumiputera di mana hak-hak kaum lain itu dipelihara dan dijaga dengan baiknya. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya tidak nampak ataupun tidak faham atas dakwaan yang mengatakan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini telah menjadikan satu polarisasi kaum dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang telah berjalan, saya rasa adalah begitu adil Kerajaan menjalankan tiap-tiap satu usaha umpamanya dalam bidang yang saya belum sebutkan tetapi pernah diberi jawapan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri di mana Kerajaan memberikan subsidi-subsidi bantuan kepada golongan petani ataupun dari segi membantu benih, baja dan sebagainya. Begitu juga kepada pembantuan nelayan dari segi bot, pukut dan sebagainya yang diperlukan oleh nelayan. Semuanya itu adalah dibantu kepada semua kaum ataupun tidak memandangkan kepada kaum bumiputera sahaja.

Begitu juga dengan bantuan-bantuan dari segi kewangan, membantu peniaga-pehiaga dalam hendak memajukan peniaga-peniaga bumiputera tetapi sebaliknya kepada peniaga-peniaga ataupun usahawan-usahawan bukan bumiputera juga diberi bantuan ataupun pinjaman wang yang begitu banyak yang diberikan oleh sama ada Bank Bumiputera untuk perniagaan, dari segi bidang pertanian, Bank Pertanian telah memberikan bantuan pinjaman berjuta-juta ringgit, kepada pengusaha-pengusaha ladang daripada orang yang bukan bumiputera. Begitu juga dalam bidang pembangunan kilang-kilang di mana Bank Pembangunan telah memberikan

bantuan kewangan yang berjuta-juta ringgit jumlahnya untuk memajukan sektor perkilangan yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha bukan bumiputera.

Jadi, dengan ini saya ingin menyatakan bahawa apa yang dikatakan dalam ucapan Yang Berhormat daripada Muar yang mengatakan:

". . . malangnya dalam proses pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. penekanan yang melampau telah ditumpukan kepada usaha untuk membetulkan ketidak-samaan ekonomi dan kurang sekali perhatian diberikan kepada isu-isu politik. Akibatnya, kebanyakan daripada rakyat kita merasakan diri mereka telah ditindas dan diasingkan. Ini mungkin salah satu sebab yang mengakibatkan masalah polarisasi kaum dan keadaan ini tidak boleh dibiarkan lagi dan saya dengan ikhlasnya mendesak supaya DEB tidak patut diperlanjutkan sehingga tahun 1990.

Dan selepas tahun 1990, katanya, MCA akan menyokong sepenuhnya dasar ekonomi itu bermatlamatkan ataupun membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan proses pembangunan yang seimbang dengan bidang-bidang sosio-politik".

Tuan Yang di-Pertua, belum pun sampai tahun 1990 saya rasa Kerajaan telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini selaras dengan Perlembagaan dan menitikberatkan dari segi sosio ekonomi dan juga sosio politik di mana semua kita dapati Kerajaan memberi layanan kepada semua kaum, kita lihat dari segi politik Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan 2M telah memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin parti komponen sama ada MCA atau Gerakan dan sebagainya diberi

peluang menjadi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen di peringkat Kerajaan Pusat dan di peringkat Kerajaan Negeri bukan sahaja diberikan jawatan EXCO ataupun Ahli Majlis Kerajaan, bahkan dengan keadaan yang tidak tamak kepada kuasa dan sebagainya.

Kita tahu macam Pulau Pinang walaupun UMNO menguasai kelebihan kerusi tetapi parti Barisan Nasional di bawah 2M memberikan Ketua Menteri daripada parti Gerakan dan juga diperintah dengan begitu baik dengan kerjasama parti-parti di bawah komponen Barisan Nasional. Ini saya rasa kalau ada lagi, Tuan Yang di-Pertua, perkataan yang sumbang yang menyatakan berasa tidak puas hati di atas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, sama ada orang itu orang Cina ataupun, khususnya orang Melayu seperti yang terdapat sekarang ini kepada parti PAS umpamanya, pemimpin-pemimpin PAS cuba meracuni fikiran rakyat dengan dakyah-dakyah memancing undi, mungkinlah kerana ini dekat pilihanraya mengatakan kalau mereka menang mereka akan memansuhkan hak-hak istimewa orang Metayu.

Begitu juga kalau ada pemimpin-pemimpin yang bukan daripada bumiputera menyatakan sesuatu mengikut hasrat mereka yang tamak, maka suka saya menyimpulkan seperti satu pantun pengajaran kepada kita semua di mana pantun itu berbunyi:

Dalam semak ada duri,
Ayam kuning membuat sarang,
Orang tamak selalu rugi,
Seperti anjing dengan bayang-
bayang

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan kepada kita semua, khususnya kepada diri saya dan kita semua yang telah bersatu padu di dalam sebuah negara Malaysia tiga kaum yang terbesar ini dapat hidup

aman dan damai dengan cara demokrasi yang sangat baik, Raja yang berperlembagaan mestilah kita jaga dan kita pupuk dengan baik.

Sekiranya tidak, sejarah telah pun memberi amaran kepada kita bahawa sekiranya demokrasi ini tidak kita jaga dengan baik, setiap orang yang cuba untuk tamak, lebih kuasa dan sebagainya maka akibatnya 13 Mei akan berlaku lagi dan Parlimen ini akan dibubarkan, begitu juga Dewan-dewan Negeri akan dibubarkan dan tidak syak lagi bahawa Perdana Menteri akan menasihatkan D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong dan D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan lagi sekali perintah MAGERAN, maka hilanglah demokrasi berparlimen dan tentera akan mengambil alih memerintah dan mentadbirkan negeri ini. Maka dengan amaran ini eloklah kita berjaga-jaga sebelum kita menggunakan platform demokrasi ataupun Dewan yang mulia ini sesuka hati kita, elakkan kita beringat-ingat dan berjaga-jaga di atas amaran peristiwa yang berlaku itu kita jadikan contoh dan tauladan supaya kita boleh hidup kekal, aman dan damai di dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dan dengan ini, saya sekali lagi menyokong penuh Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi tahun 1986.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Beruas,

3.47ptg.

Dato' Michael Chen Wing Sum (Beruas): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat mengambil masa tidak lebih dari 30 minit?

Dato' **Michael Chen Wing Sum:** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1986 telah direka-bentuk untuk menghadapi kemelesetan ekonomi serta untuk menggalakkan pelaburan dalam perindustrian dan pelancongan. Demi mencapai kedua matlamat tersebut falsafah dan kaedah yang diamali oleh Kerajaan adalah positif, wajar dan realistik. Yang Berhormat Menteri Kewangan patut diberi kepujian atas kerja baik beliau. Memang sudah tentu bahawa negara kita sedang menghadapi beberapa masalah yang, patut diberi perhatian segera kerana jika tidak implikasi yang serius mungkin berbangkit dalam masa akan datang.

Satu daripada masalah sebegini adalah saiz perkhidmatan awam kita yang terlalu besar yang bukan sahaja telah membawa masalah kewangan bahkan masalah daya pengeluaran (productivity). Nisbah 900,000 kakitangan awam jika dibandingkan dengan jumlah kerja tenaga 5.5% yang melambangkan 16.4% mungkin merupakan antara yang tertinggi di dunia. Selain daripada amaun gergasi dalam rupa gaji yang perlu dibayar tahun demi tahun pencen sendiri berjumlah dekat dengan \$1 billion setahun. Disebabkan jumlah kakitangan awam yang terlalu besar dan sistem pembahagian kerja yang tegas orang ramai sering mengadu bahawa setengah-setengah kakitangan Kerajaan sering dilihat tiada kerja, membaca suratkhbar, minum teh dan berbual-bual. Mungkin semua ini bukan salah kakitangan Kerajaan sendiri tetapi kesalahan sistem yang wujud. Apa yang kita kluatir di sini juga tentang pembaziran tenaga manusia. Dengan menempatkan beribu-ribu belia yang berpelajaran dalam jabatan-jabatan Kerajaan dengan tidak digunakan secara penuh adalah satu pembaziran besar. Sekiranya tenaga manusia ini digunakan di tempat yang lain untuk

melakukan kerja-kerja yang lain sudah tentu daya pengeluaran negara kita akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini jualan barangan kita juga telah mengalami kemerosotan. Pasaran barangan ini menjadi semakin lemah dari segi permintaan dan harga. Hakikat ini telah menjadikan kita kluatir tentang ekonomi negara. Keadaan ini mungkin diakibatkan oleh kemelesetan dunia dan juga persaingan hebat dari negara-negara lain. Pengeluar barangan kita seharusnya memahami dengan penuh sebab dan punca masalah ini, demi menyelaraskan keadaan untuk menambah pengeluaran dan pada masa yang sama mengurangkan kos pengeluaran, kerana jika tidak, kita akan kalah dalam perlumbaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja pasaran barangan menjadi lemah, setengah orang menganggap Negara China sebagai pembeli berpotensi. Mereka berhasrat bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke China tidak lama lagi akan menghasilkan faedah. Malaysia merupakan negara ASEAN pertama untuk mewujudkan pertalian diplomatik dengan China dalam tahun 1974. Pertalian antara kedua negara tetap mesra walaupun Parti Komunis China telah menghantar satu telegram kepada Parti Komunis Malaya atas Ulang Tahunnya Yang Ke 45. Sejak masa itu lawatan rasmi ketua atasan kedua negara telah berterusan, ini termasuk lawatan Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn ke China dan Deng Xiaoping, Zhao Ziyang ke Malaysia. Perdagangan antara kedua negara tetap berterusan. Mengikut perangkaan yang terdapat, Malaysia telah mengimport barangan bernilai \$900 juta dari China dalam tahun 1984 sedangkan eksport kita ke China hanya berjumlah \$200 juta. Berdasarkan angka-angka ini terdapat jurang perbezaan \$700 juta yang

menguntungkan China. Kami berharap angka ini dapat dicocokkan dalam tahun-tahun akan datang. Kedua-dua China dan Malaysia terletak dalam Benua Asia dan demi kepentingan bersama, kedua negara ini harus bekerjasama dan bersahabat. Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dr Mahathir akan melakukan lawatan rasmi ke Negara China dan kita berharap lawatan ini akan membawa kemajuan yang dapat dirasakan semua.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa gembira memerhatikan bahawa Kerajaan telah sekali lagi menunjukkan minat dalam pembangunan 465 kampung-kampung baru dalam negara kita. Sejak 10 tahun yang kebelakangan ini Kerajaan telah menubuhkan satu Kementerian untuk mengendalikan kampung-kampung baru ini tetapi jumlah wang yang diperuntukkan tidak memadai. Sejak tahun 1977 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang diwakili oleh beberapa Kementerian, termasuk Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji syor mempesatkan kampung-kampung baru pilihan, demi membuat perhatian tentang cara hidup di sana. Satu laporan awal telah disiapkan dalam tahun 1979, mengikut laporan ini 65 dari 465 kampung baru mempunyai keupayaan untuk diperkembangkan dan dipermodenkan supaya pekerjaan dapat disediakan dan cara hidup penghuni dapat dipertingkatkan. Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri kita telah baru-baru ini membuat pengumuman bahawa Kerajaan akan menyediakan satu rancangan untuk memperbesarkan kampung-kampung baru ini dan saya berpendapat bahawa laporan yang telah saya sebutkan di atas dapat digunakan sebagai asas rancangan ini. Kampung-kampung baru ini memerlukan kewangan untuk diperbesarkan dan dipermodenkan

tetapi sekiranya Kerajaan betul-betul berusaha, ianya mungkin mengambil masa 10 tahun, merangkumi dua Rancangan Malaysia, memerlukan peruntukan \$1 billion dan hasilnya akan dapat dilihat pada pertengahan tahun 1990an.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada Kerajaan telah secara berterusan menekankan kepentingan sains dan teknologi dan telah menghantar beribu-ribu pelajar ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran, adalah satu perkara yang sedih bahawa mutu bahasa Inggeris telah merosot di kalangan pelajar tempatan. 2 tahun dahulu kita telah menerima jawapan kepada isu ini daripada Menteri berkenaan bahawa 200 guru bahasa Inggeris akan dibawa dari luar negeri untuk mengajar matapelajaran ini. Kita tidak diberitahu sama ada guru-guru luaran ini telah datang dan sudah pun kembali dan jika sudah, sudah tentu tindakan lain patut diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memperkenalkan Sistem Persekolahan Gabungan (Integrated School System) terhadap sekolah rendah baru-baru ini telah membawa keraguan serta bantahan dari masyarakat Cina. Kerajaan harus menerangkan matlamat dan tujuan serta kaedah yang diamalkan untuk memperkenalkan sistem baru ini. Malangnya, Kerajaan masih belum memberi kita penjelasan ini walaupun permintaan sedemikian telah dibuat oleh berbagai badan-badan pelajaran masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang. Bolehkah Yang Berhormat mengambil masa tidak lebih dari 30 minit?

3.59ptg.

Tuan Justine anak Jinggut (Ulu Rajang): Ucapan saya pendek, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan Persekutuan serta Rang Undang-undang Perbekalan 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober, 1985. Memandangkan kemelesetan ekonomi yang masih lagi berterusan, bukanlah satu tugas yang mudah bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyediakan satu Belanjawan yang seimbang bagi tahun hadapan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu Belanjawan yang adil dan menggalakkan dan seluruh masyarakat mengalu-alukannya oleh kerana Belanjawan ini telah pun mengambil kira kepentingan semua pihak dan juga objektif-objektif perkembangan negara.

Saya tidak berniat untuk mengulangkan apa yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya Ahli Parlimen dari Sarawak mengenai masalah kemiskinan yang sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar negeri Sarawak. Ini adalah sejak tahun 1963 sampai sekarang saya percaya bahawa semua Ahli Parlimen dari Sarawak termasuk saya sendiri telah pun mengemukakan masalah kemiskinan yang sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar, seperti tidak mempunyai infrastruktur, mempunyai rumah yang buruk dan lain-lain lagi. Kita juga tidak dapat menafikan bahawa kebanyakan masyarakat luar bandar negeri Sarawak ketinggalan dalam segi ekonomi, pelajaran dan kesihatan dan saya percaya bahawa ketua pimpinan di Kerajaan Persekutuan sedar bahawa masalah ini pada waktu sekarang masih ada.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Malaysia ditubuhkan kita patutlah bersyukur kepada Tuhan, kepada negara kita selama ini di dalam keadaan aman, damai dan makmur. Oleh kerana ini negara kita telah bernasib baik dan dapat menikmati kestabilan politik dan kestabilan ekonomi. Kedua-dua ini adalah punca utama bagi sesebuah negara membangun untuk mencapai pembangunan yang terus menerus demi untuk kepentingan rakyat.

Kita generasi muda sekarang janganlah melupakan betapa susah payah nenek dan bapak kita untuk mencapai kemerdekaan supaya anak tempatan kita dapat memerintah diri kita sendiri. Kita juga tidak patut melupakan peranan semua kaum di seluruh Malaysia ini walaupun Melayu, China, India, Dayak, Kadazan dan lain-lain yang telah berjuang demi untuk mencapai kemerdekaan.

Adalah sangat tamak bagi kita generasi muda tanpa mengambil kira berapa susah nenek bapak kita menubuhkan negara Malaysia oleh kerana kita mempunyai pelajaran yang lebih tinggi dari mereka dan menghapuskan apa yang telah dinikmati iaitu kemerdekaan beberapa tahun dahulu.

Stability politik kita dengan sendirinya telah memberi jalan untuk ekonomi kita terus berkembang tahun demi tahun tanpa gangguan. Dari segi ini kita telah berjaya untuk mengatakan kepada penjajah kita dahulu bahawa Kerajaan kita adalah satu Kerajaan yang sesuai untuk negara kita.

Negara Malaysia jika dibandingkan dengan negara jirannya atau negara yang sedang membangun telah pun mencapai kestabilan politik yang memuaskan. Oleh kerana ini kita tanpa masalah dapatlah menjaminkan pelabur asing untuk melabur ke

negara kita demi untuk menambahkan pertukaran wang asing bagi negara kita.

Stability politik kita dapat dicapai adalah oleh kerana kebanyakan penduduk kita khasnya penduduk luar bandar yang miskin adalah mempunyai disiplin yang begitu tinggi. Tanpa mereka saya percaya sudah tentu kita tidak dapat mencapai stability politik kita.

Mereka yang tinggal di luar bandar, yang jauh di pedalaman tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif yang berniat untuk memecahkan stability politik negara kita yang kita telah capai berpuluh-puluh tahun. Walau bagaimanapun kita generasi muda janganlah teragak-agak atau, dengan izin, take things for granted. Kita patutlah mengambil kesempatan stability politik untuk terus menerus membangun negara kita tanpa mengirakan agama dan bangsa. Kita patutlah mengkaji dari semasa ke semasa di mana pembangunan perlu dan mustahak di samping kita membangunkan bandar, kita tidaklah patut melupakan pembangunan luar bandar di mana penduduknya adalah terdiri daripada orang yang miskin.

Polisi-polisi kita yang sedia ada sekarang patut tidak menyebelah satu pihak sahaja oleh kerana kepentingan sesuatu golongan sahaja. Janganlah kita melupakan bahawa negara kita Malaysia ditubuh dengan kerjasama semua pihak tanpa mengirakan agama dan bangsa. Kita patutlah memenuhi janji-janji kemerdekaan kita kepada semua pihak di negara kita ini.

Oleh kerana ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru ditubuhkan dengan tujuan yang tertentu iaitu mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pada pendapat saya tujuan ini patutlah disokong dengan sepenuhnya akan

tetapi kita mestilah mengkaji sejauh manakah dasar ini sejak ianya ditubuhkan berjaya. Jika ianya tidak berjaya ke taraf yang memuaskan, apakah sebab-sebabnya. Adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas supaya dasar ini dapat dijalankan tanpa gangguan atau untuk mengkaji kelemahan-kelemahan dari segi implementasi dasar ini supaya dapat mengubah apa yang tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, memang adalah tanggungjawab yang berat bagi Kerajaan untuk mengurangkan dan menyusun semula masyarakat. Pada tahun 1986 Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak \$2,800 juta bagi projek-projek pembasmian kemiskinan dan sebanyak \$500 juta bagi projek-projek penyusunan semula masyarakat. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan kerana telah meluluskan wang sebanyak ini untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

Oleh kerana penduduk-penduduk luar bandar di negeri Sarawak mempunyai masalah unik mengenai tempat tinggal mereka iaitu pada masa mereka tinggal berkelompok-kelompok, maka saya bercadang supaya pertimbangan yang serius diberi. Agensi-agensi seperti FELCRA dan FELDA patutlah diberi tugas khas untuk datang ke tempat seperti ini untuk mengkaji masalah tertentu dan seterusnya mengenalpasti tempat-tempat yang sesuai untuk menempatkan semula penduduk yang tinggal berkelompok-kelompok dan yang hidup dengan cara tradisional dan inefficient.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana barubaru ini telah membentangkan satu Rang Undang-undang di mana agensi-agensi seperti FELCRA dan FELDA

dapatlah pergi ke negeri Sarawak untuk mengenalpasti tanah untuk dibangunkan dan telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Maka dengan ini saya cadangkan supaya pihak FELCRA dan FELDA dapatlah berhubung dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk bertindak dengan serius. Pihak tersebut patutlah mengenalpasti kawasan-kawasan yang patut dimajukan. Pilihan kawasan tidaklah patut berdasarkan kepentingan politik atau lain-lain tetapi patutlah berdasarkan kepada kawasan yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu sekarang kebanyakan kawasan luar bandar negeri Sarawak mempunyai infrastruktur dari segi, dengan izin, logging road, telah pun disediakan oleh syarikat-syarikat pembalok. Mengapakah Kerajaan tidak mengambil kemudahan infrastruktur ini untuk membuka tanah-tanah yang terbiar di kawasan pedalaman di negeri Sarawak. Kerajaan Negeri dapat mengambilalih jalan ini untuk kegunaan Kerajaan tanpa harga dan kebanyakan daripada logging road ini pada waktu sekarang adalah terbiar sahaja. Tidak dapat kita nafikan bahawa, dengan izin, gap atau perbezaan di antara yang kaya dan yang miskin adalah jauh. Dari segi fahaman saya tujuan Dasar Ekonomi Baru adalah untuk merendahkan gap atau perbezaan di antara yang kaya dan yang miskin ke taraf yang rendah dan akhirnya melahirkan, dengan izin, middle class group di antara semua kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program penyertaan bumiputera di bidang perdagangan dan perindustrian yang akan dipertingkatkan lagi memanglah amat dialu-alukan oleh semua pihak bumiputera di negara ini. Walau bagaimanapun kita patutlah menjaga pelaksanaan dasar ini dengan cara yang teliti. Dasar Kerajaan yang hendak mempergiatkan penglibatan

bumiputera di bidang perdagangan adalah satu dasar yang ikhlas akan tetapi Kerajaan patutlah mengadakan satu committee yang khas atau, dengan izin, watch-dog Committee supaya pihak tertentu tidak menyalahkan privilege yang disediakan oleh Kerajaan untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Kerajaan tidaklah patut hanya memilih pihak yang tertentu sahaja dan akhirnya hanya segelintir golongan sahaja yang untung dari dasar ini. Tidaklah patut bagi semua kontrak-kontrak dan tender-tender yang besar hanya diberi kepada, dengan izin, the elite class of people. Ini akan berlaku jika golongan yang mempunyai

Timbalan Yang di-Pertua: Elite.

Tuan Justine anak Jinggut:
kuasa hanya ingin melihat "gang" mereka sahaja yang mendapat tender-tender atau kontrak-kontrak tersebut.

Mengenai Perbadanan Kemajuan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang diberi peruntukan bagi membolehkan agensi-agensi terus melaksanakan projek yang dapat membantu menyusun semula masyarakat bumiputera, saya bercadang committee dapat diadakan supaya dapat monitor aktiviti-aktiviti agensi tersebut supaya tidak menyeleweng dari apa yang mereka patut buat. Banyak telah didengar dari rakyat mengenai Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri di mana projek-projek yang tidak viable telah pun dilaksanakan oleh kerana kepentingan kakitangan yang menyeleweng yang hanya hendak mengambil keuntungan dari kontraktor tanpa mengira tujuan mereka yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai agensi-agensi di luar Belanjawan atau OBA di mana peruntukan sebanyak

\$2 billion telah pun dipotong dalam tahun 1986 adalah berpatutan memandangkan agensi-agensi ini mempunyai jumlah subsidiary di seluruh negara sebanyak 913 buah. Kebanyakan daripada syarikat ini hanya menjadi beban, dengan izin, pada Kerajaan. Di tahun-tahun yang lepas, peruntukan yang diuntukkan kepada OBA ini adalah besar. Kebanyakan peruntukan ini yang diperuntukkan adalah dari segi pinjaman dan oleh kerana ini ia akan memainkan peranan dari segi kedudukan pembayaran hutang negara kita—Oleh kerana ini Kerajaan patut mengkaji dengan teliti mengenai investment OBA dan patutlah menutup agensi-agensi OBA yang tidak untung, yang tidak dapat bayar hutang mereka. Oleh kerana di keadaan sekarang setiap \$1.00 yang Kerajaan perolehi 26 sen akan digunakan untuk membayar hutang. Oleh kerana ini maka Kerajaan patutlah berjaga-jaga supaya pembayaran hutang kita tidak melebihi.

Agensi-agensi OBA patutlah "accountable" kepada perbelanjaan mereka dengan detail dan juga menghantar program mereka kepada Kementerian Kewangan untuk dikaji. Dari kita mengurangkan peruntukan kepada OBA dapatlah memberi peluang kepada Kerajaan untuk menggunakan fund untuk membayar hutang-hutang negara kita. Ataupun debt servicing, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan Kerajaan tidaklah memotongkan perbelanjaan pembangunannya.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebutkan ialah mengenai integrasi nasional. Tidak ada apa-apa disebutkan mengenai integrasi nasional dalam Belanjawan 1986. Sebagai pandangan, saya menganggap ianya sebagai suatu yang penting jika negara kita hendak melahirkan satu bangsa Malaysia, satu bahasa. Kita

tidak dapat menafikan bahawa salah-faham akan berlaku di negara kita. Ianya berlaku oleh kerana saiz negara kita dan juga oleh kerana berbagai bangsa yang tinggal di negara kita.

Buat masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan yang konkrit mengenai masalah integrasi nasional disediakan. Untuk mencapainya matlamat integrasi nasional maka ianya memerlukan, dengan izin, "two way street". Tidak dapat kita nafikan bahawa penduduk negeri Sarawak sentiasa tertakluk kepada negara Malaysia dan juga negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah "lack of communication" di antara Sarawak dan Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Kebanyakan penduduk-penduduk di Sarawak dan Sabah, khasnya yang tinggal di luar bandar tangung tidak memahami apa yang berlaku di Semenanjung Malaysia dan begitu juga penduduk-penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia. Sudah tentu aspek ini menjadi penghalang pertama yang mewujudkan integrasi nasional. Mereka yang di Semenanjung dan di Sarawak dan Sabah pada waktu sekarang sudah menjadi alien, dengan izin, kepada mereka sendiri tetapi mereka ini adalah semua warganegara Malaysia. Mereka tidak mengerti adat, cara hidup, agama sendiri mereka. Mereka yang tinggal di Sarawak pada waktu sekarang tidak tahu siapakah Menteri-menteri mereka sendiri di Kerajaan Pusat. Maka dengan ini, saya bercadang kepada Kementerian Penerangan untuk memainkan peranan yang lebih positif lagi bagi mempergiatkan lagi integrasi nasional.

Saya juga bercadang supaya mesyuarat Kabinet mingguan ataupun "weekly Cabinet meeting" diadakan

di Sarawak dan Sabah dua kali setahun. Juga saya bercadang dua lagi Menteri ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri iaitu satu dari Sarawak dan Sabah untuk masing-masing menjadi Menteri Hal Ehwal Negeri masing-masing iaitu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Minister of Sabah and Sarawak Affairs". Saya percaya bahawa cadangan saya ini akan mendekatkan lagi perhubungan di antara Sarawak dan Sabah dan Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengecualian cukai ke atas keuntungan yang diperolehi ke luar negeri

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti kalau hendak adakan "Minister of Perlis Affairs susahlah.

Tuan Justine Jinggut: Tak apalah, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercadang, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dari segi communication yang jauh dan saya percaya kebanyakan Menteri-menteri di Semenanjung Malaysia yang telah ada di sini tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku, khususnya di negeri Sarawak dan Sabah yang begitu jauh sekali dari Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengecualian atas keuntungan yang diperolehi di luar negeri yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, oleh kerana ianya dapat membantu memperkukuhkan kedudukan negara, kita amatlah alu-alukan. Sebagai pandangan sendiri jika pelaburan dari duit ini dapat mengambil balik atau, dengan izin, return di antara 15 hingga 20% ianya akan menarik banyak wang warganegara Malaysia dari luar negeri. Akan tetapi jika ada projek yang begitu viable, kita tidaklah memerlukan wang luar negeri oleh kerana dapat meminjam wang itu di bank tempatan. Saya berharap Kementerian Kewangan dapatlah

memberitahu Dewan ini cara Kerajaan untuk menggalakkan wang ini dibawa balik ke Malaysia.

Sebagai pandangaa saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang mempunyai wang yang banyak yang disimpan di luar negeri patutlah membawa wang itu balik tanpa term, dengan izin. Ini adalah oleh kerana wang yang ada itu adalah diperolehi di Malaysia. Jika mereka ini setia kepada negara dan seharusnya membuktikan kesetiaan mereka, patutlah membawa balik wang tersebut ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil bagi seseorang untuk membuat untung di Malaysia dan selepasnya membawa untung itu ke negara yang lain untuk membantu ekonomi negara lain itu. Maka dengan ini saya bercadang di masa hadapan Kerajaan patut membuat satu undang-undang untuk memberhentikan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini dan mengambil balik kerja yang mereka buat jika mereka didapati menyimpan wang di luar negeri.

Sebagai pandangan lebih baik mereka ini berniaga di luar negeri dan janganlah berniaga di negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai kegiatan pembalok di Sarawak. Oleh kerana kemerosotan ekonomi dunia dan kekurangan demand, dengan izin, dari negara mengimport, maka harga kayu balak sekarang turun ke harga di bawah production cost, dengan izin. Kebanyakan syarikat-syarikat pada waktu sekarang hanya mengadakan, dengan izin, half-production. Oleh kerana ini pekerja-pekerja yang terdiri daripada penduduk luar bandar dan yang miskin dihentikan kerja. Apa yang menghairankan saya ialah mengapakah Kerajaan Pusat tidak mempunyai apa-apa undang-undang

yang dapat menyelaraskan aktiviti pembalakan di seluruh negara dan yang dapat menjaga kegiatan pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pembeli balak utama ialah Jepun. Mengapakah Kerajaan kita tidak dapat berunding dengan negara tersebut. Apa yang berlaku sekarang ialah kita ini hanya menjadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "at the mercy", dan mereka itu dapat dengan sukacita dan dengan suka hati menaikkan atau menurunkan harga kayu balak yang dibeli dari Malaysia. Tetapi sebenarnya negara Malaysia mengimport banyak barang dari negeri Jepun.

Maka dengan ini saya bercadang supaya Kerajaan dapatlah menubuhkan jawatankuasa khas untuk meneliti masalah ini. Berkaitan dengan perkara ini saya juga ingin menyeru syarikat pembalakan supaya mereka itu dapatlah membawa balik wang yang telah mereka simpan di luar negeri selama ini semasa mereka menikmati keuntungan. Tidaklah patut bagi mereka hanya menunggu Kerajaan untuk membantu mereka. Mereka patut mengambil balik keuntungan yang mereka buat di negara ini.

Berkaitan dengan pembalakan ini ianya telah menjadi satu isu yang sensitif kepada penduduk tempatan. Apa yang menguatirkan penduduk-penduduk tempatan ialah syarikat ini hanya pergi ke kawasan mereka hanya memberi masalah yang pertama dan yang serius sekali ialah pencemaran sungai-sungai yang digunakan oleh penduduk-penduduk tempatan. Mengapakah Kerajaan tidak memberi term-term yang tertentu, misalnya, syarikat yang diberi kawasan kayu balak patutlah membina infrastruktur seperti jalan-jalan. Ini akan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Apakah salahnya jika syarikat itu

mendapat keuntungan bermilion-milion ringgit? Apa yang menguatirkan penduduk-penduduk luar bandar ialah jika kayu balak itu habis satu hari atau harga turun maka syarikat itu akan meninggalkan kawasan itu tanpa mengambil kira masalah penduduk tempatan. Maka dengan itu Kerajaan patutlah mengkaji dengan teliti aktiviti pembalakan supaya semua pihak untung dan bukan hanya satu kumpulan sahaja.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Projek Bakun. Ini adalah oleh kerana kawasan Bakun ini adalah di kawasan saya sendiri dan adatah patut bagi saya sendiri untuk menyampaikan sedikit sebanyak mengenai fikiran penduduk yang terlibat. Saya juga ingin memberi terima kasih kepada rakan-rakan dari Sarawak yang telah menyuarakan sokongan mengenai projek ini demi untuk kepentingan pada negara amnya dan penduduk-penduduk tempatan khususnya. Juga rakyat dari segenap lapisan hidup telah memberi pendapat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Hidro Bakun selain daripada membekalkan sumber tenaga elektrik yang tetap ke seluruh negara juga memberi faedah bagi pembangunan di kawasan saya dan merupakan sebahagian daripada "hinterland" kepada Bintulu dan ianya jika dirancang akan menjayakan Dasar Ekonomi Baru iaitu menyusun semula masyarakat di luar bandar ke arah membasmi kemiskinan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching beberapa bulan lalu telah dengan sengajanya telah menentang pelaksanaan projek ini di akhbar tempatan, kononnya kebanyakan penduduk tempatan menentang projek ini kerana ianya mengganggu "the surrounding environment". Saya

tidak faham apakah tujuan Ahli Yang Berhormat tersebut. Saya menganggap fikiran seperti itu sebagai hanya suka melihat penduduk luar bandar menjadi "museum piece" yang hanya tinggal dalam environment tersebut dengan cara yang primitif. Tidakkah Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching sedar.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada masa 5 minit lagi.

Tuan Justine anak Jinggut: itu sedar bahawa penduduk di Ulu Rajang tidak ataupun belum diberi peluang untuk menikmati projek pembangunan utama dengan alasan mereka tinggal terlalu jauh berselerak dan terlalu miskin. Mereka itu hidup secara menanam padi mengamalkan pertanian pindah yang membazir dan tidak beruntung tetapi para penduduk luar bandar di Sarawak tidak mempunyai cara lain bagi menyara kehidupan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu tidak tahukah atau dengan sengaja tidak mahu tahu oleh kerana rakyat luar bandar ini tidak begitu penting kepada mereka. Juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah mencabar saya mengenai projek-projek ini dan banyak lagi alasan yang telah disebutkan oleh mereka di akhbar tempatan seperti projek ini hanya menguntungkan Semenanjung Malaysia, kononnya kata Ahli Yang Berhormat, "colonialisation of Federal Government". Oleh kerana itu saya ingin memberi sedikit fact mengenai Bakun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan juga pihak tertentu yang dengan sengajanya menentang projek tersebut.

Negeri Sarawak mempunyai kawasan seluas lebih kurang 125,000 km persegi. Jika Bakun ini dibina

ianya akan menenggelami kawasan sebesar 695 km persegi iaitu kira-kira 172 ribu ekar iaitu 1/2% dari kawasan Sarawak keseluruhannya.

Dari 172 ribu ekar yang ditenggelami, 100,000 ekar adalah ditanami dengan cash crop, buah-buahan dan lain-lain adalah di bawah pertanian pindahan "shifting cultivation". Kawasan yang terkena (immediately affected area) adalah sebanyak 15 rumah panjang yang mempunyai penduduk sebanyak 4,100 orang akan tetapi census pada tahun 1980 didapati sebanyak 2,820 yang benar-benar duduk di kawasan itu. Kebanyakan daripada mereka telah pun berhijrah ke kawasan bandar seperti Sibu, Miri, Kuching dan Bintulu untuk mencari kerja kerana di tempat mereka itu tidak mampu apa-apa di mana mereka dapat bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyuarakan interestnya mengenai environment, mereka telah pun mengatakan bahawa Bakun jika dibina akan memberi kesan yang buruk kepada environment yang mengelilinginya tetapi beliau tidak sedar bahawa satu comprehensive studies mengenai environment telah pun diadakan dan mereka boleh mendapatnya daripada Kerajaan Negeri-negeri. Apa yang kita kirakan sekarang adalah keperluan atau "future power demand of Malaysia". Jika sesebuah negara hendak membangun, kita mahu ekonomi kita naik dan kita mahu banyak lagi industri kita memerlukan kuasa tetapi jika negara kita Malaysia tidak mahu semua itu bolehlah kita melupakan soal "the future power demands of Malaysia".

Wang sebanyak \$10 bilion yang diperuntukkan jika Bakun dilaksanakan akan digunakan dalam masa 10 tahun dan bagi pertama 5 tahun pertama hanya 15%-20%

daripada keseluruhan yang akan digunakan. Ingin saya menegaskan di sini bahawa kita patutlah memberi emphasis mengenai future power demand of Malaysia dan kos hidro Bakun ini patutlah juga dibandingkan dengan "alternative power cost" iaitu "thermal power" atau nuclear power.

Tuan Yang di-Pertua, thermal power dapat memberi kuasa yang sama. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Masa Ahli Yang Berhormat sudah cukup, Ahli Yang Berhormat boleh gutung.

Tuan Justine anak Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin untuk menggulung ialah mengenai. . . .

Tuan Justine anak Jinggut: Untuk mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai SESCO yang akan diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan. Saya difahamkan setakat ini bahawa kedua-dua Kerajaan telah bersetuju dan saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat memberikah jawapan kepada perkara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Bolehkah Ahli Yang Berhormat mengambil masa tidak lebih daripada 30 minit?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Mungkin 20 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

4,30 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober yang lalu. Ucapan tahniah ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah berjaya mengemukakan suatu Belanjawan yang agak sederhana dan tidak membebankan. Ini adalah suatu pertanda bahawa Kerajaan lebih sedar akan tanggungjawabnya terhadap rakyat dan negara.

Sungguhpun negara kita sedang menuju ke arah negara industri, namun peranan kita sebagai negara pembekal barangan utama tetap wujud dan ditokok pula dengan suasana pelaburan yang menggalakkan adalah di antara faktor utama yang menyebabkan kesan kemelesetan ekonomi dunia dapat dihadapi oleh Malaysia.

Kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menyampaikan ucapan begitu jelas dan memberikan harapan "bahawa sekalipun Malaysia terpaksa mengharungi kemelesetan ekonomi dunia seluruhnya, namun kadar 5.2% itu adalah memberikan harapan lega bagi Malaysia dan dengan itu pula memberikan semangat kepada kita untuk membangun negara kita sendiri.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 1985 dijangka dapat dicapai 5.2% iaitu menurun atas kadar 2.4% dibandingkan dengan tahun lalu dan lebih-lebih lagi menyenangkan hati kita bila dikaji bahawa prestasi ekonomi kita adalah lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan purata

sebanyak 2.3% bagi negara ASEAN yang lain dan 3.6% bagi semua negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa defisit yang akan kita hadapi adalah merupakan 6.9% dari Keluaran Negara Kasar yakni lebih rendah daripada defisit akaun semasa pada tahun 1982 iaitu berjumlah 14.1% dari Keluaran Negara Kasar. Walau bagaimanapun, defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang dianggarkan berjumlah sebanyak \$5.3 billion itu masih tinggi sekalipun jika dibandingkan dengan defisit pada tahun 1984 sebanyak \$3.7 billion itu sudah banyak berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan dan Kerajaan kepada beberapa perkara yang terkandung dalam Ucapan Belanjawan ini.

Memajukan Sektor Pertanian

Malaysia lebih dikenali sebagai negara pertanian daripada negara perindustrian semenjak zaman sebelum merdeka lagi tetapi sebenarnya sektor pertanianlah yang masih ketinggalan jauh ke belakang. Kita tidak boleh hanya bangga dengan getah dan kelapa sawit semata-mata, kita mesti mempelbagaikan sektor ini. Jika kita benar-benar hendak membasmikan kemiskinan seperti termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru, maka sektor pertanianlah yang mesti dititikberatkan kerana sebahagian besar rakyat yang miskin adalah terdiri daripada sektor ini.

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menegaskan bahawa sektor pertanian akan diberi perhatian lebih oleh Kerajaan. Ketegasan ini jelas terbukti bahawa peruntukan sebanyak \$1,668 juta atau kira-kira 19% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan adalah diuntukkan bagi sektor pertanian.

Saya percaya dengan peruntukan yang besar yang diagih-agihkan kepada pembangunan tanah baru sebanyak \$635 juta dan tanah terbiar, projek pembangunan pertanian bersepadu sebanyak \$313 juta, pembangunan wilayah sebanyak \$163 juta dan baja padi sebanyak \$98 juta itu menunjukkan betapa azam Kerajaan untuk meningkatkan hasil pembangunan dan pertumbuhan dalam sektor pertanian selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

Saya berharap pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pertanian di bawah pimpinan Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim yang terkenal sebagai seorang jaguh menentang kemiskinan, dapat menyusun suatu perencanaan yang rapi dan jitu demi kepentingan kaum tani dan nelayan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan bukan sahaja dapat membantu mereka mengeluarkan hasil dan mutu pertanian yang lebih baik tetapi apa yang lebih penting ialah pemasaran.

Sistem pemasaran yang cekap dan berkesan bagi mempercepatkan industri pertanian sahaja akan dapat memberi pulangan pendapatan yang berpatutan kepada petani-petani. Sebahagian petani-petani di setengah-setengah tempat dalam negara sekarang kurang yakin terhadap peranan yang dimainkan oleh FAMA. Katanya peranan FAMA tidak dapat memenuhi hasrat petani, tidak dapat membasmikan permainan orang tengah sedangkan FAMA adalah sebuah agensi Kerajaan yang diharapkan oleh rakyat dan negara bagi menjamin mempertingkatkan mutu pencapaian dan pulangan pendapatan yang segera dan berpatutan kepada petani.

Peristiwa harga sebiju kelapa 8 sen di Teluk Intan dan di sana sini termasuk juga di Bachok, sepatutnya tidak berlaku lagi sedangkan harga Jet>iji kelapa di bandar-bandar besar seperti

di Kuala Lumpur masih di antara 50 sen hingga 60 sen. Peristiwa harga mengupah, memetik dan mengupas kelapa lebih tinggi daripada harga kelapa seharusnya juga tidak kedengaran lagi. Keadaan ini hukan sahaja berlaku kepada kelapa bahkan berlaku kepada semua jenis tanaman seperti lada, kobis, sayur-sayuran, rambutan, duku, durian, tembikai dan lain-lain. Dan apa yang dapat dilihat mempertingkatkan kegiatan pertanian dan perikanan tidak dapat menjamin kedudukan golongan ini tanpa satu sistem pasaran yang lebih berkesan. Jika semua langkah-langkah yang disusun tidak juga dapat mengatasi masalah-masalah lama dan baru yang dihadapi, maka saya sarankan supaya FAMA diubahsuai dengan menyerahkan soal pemasaran kepada sebuah badan khusus di bawah pengawasan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, segala pengeluaran hasil pertanian hendaklah ditujukan bukan sahaja untuk pasaran dalam negeri tetapi lebih dari itu iaitu ke arah pasaran antarabangsa dan ini sudah tentu memerlukan penglibatan Kerajaan dengan serius terutama MARDI dan Jabatan Pertanian. Kilang-kilang hendaklah diadakan untuk memproses buah-buahan dan ikan. Tugas MARDI umpamanya dalam bidang penyelidikan ternakan untuk mencipta dan menghasilkan teknologi baru dan menyesuaikan teknologi dari luar untuk kegunaan sendiri selaras dengan kehendak dan keperluan ternakan di Malaysia. Dalam teknologi makanan pula ialah untuk membangunkan industri makanan tempatan melalui sistem pemerosesan yang cekap untuk menghasilkan pengeluaran yang bermutu tinggi.

Bank Pertanian mestilah mengubah sikap dalam mengeluarkan pinjaman kepada golongan petani dan nelayan, mengkaji dan menilai semula semua permohonan-permohonan pinjaman

di samping menyelia projek-projek yang mendapat pinjaman. Kita berbangga kerana Bank Pertanian telah memperuntukkan dengan lebih banyak wang pada tahun 1986 ini kepada skim kredit baja, kredit jentera pertanian, pinjaman pembelian dan penebusan tanah kelapa, koko dan perikanan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran telah mendapat peruntukan yang paling tinggi sekali dalam Belanjawan tahun 1986 iaitu berjumlah sebanyak lebih daripada \$4 billion iaitu bertambah sebanyak \$228,371,900 daripada peruntukan tahun 1985. Sebagaimana maklum, pada tahun 1986 Kementerian Pelajaran akan terus melaksanakan perakuan-perakuan yang telah dicadangkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Sistem Pelajaran Kebangsaan bagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk mengadakan tenaga rakyat yang diperlukan oleh negara di samping membaiki taraf pencapaian akademik penuntut-penuntut di luar bandar.

Satu perkara yang hendak saya sentuh di sini ialah berkenaan dengan sekolah Pusat. Memandangkan kepada beribu-ribu buah sekolah kecil dalam negara iaitu sekolah yang mempunyai bilangan murid kurang daripada 200 orang, maka sudah sampai masanya Kementerian Pelajaran menimbang semula untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil di luar bandar dijadikan sekolah Pusat, Kita percaya usaha-usaha Kerajaan hendak menyibarkan serta memperluaskan kemudahan-kemudahan pelajaran di kawasan pendalaman telah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya selagi masih ada sekolah-sekolah kecil dengan

mutu pendidikan yang rendah. Sekolah kecil ini menghadapi banyak masalah, seperti masalah pertama guru, masalah perlantikan Guru Besar, masalah suasana pembelajaran, masalah perhubungan, masalah sikap dan nilai dan masalah kemudahan asas. Walaupun usaha ini telah dicuba dalam tahun 60an, disebabkan oleh kurangnya sambutan dari masyarakat, maka Kerajaan terus memberhentikan buat sementara. Namun begitu, Kerajaan hendaklah meneruskan semula rancangan ini kerana dengan adanya sekolah-sekolah yang kecil seperti ini akan menyukarkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Oleh itu saya mengambil kesempatan di sini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan perakuan 167 dan 168 dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji perlaksanaan Dasar Pelajaran. Perakuan itu berbunyi:

"Dalam usaha untuk meningkatkan taraf sekolah kecil di luar bandar adalah diperakukan rancangan pencantuman sekolah-sekolah kecil diteruskan. Pencantuman ini boleh mengambil bentuk pembinaan asrama untuk mengumpulkan murid-murid dari sekolah-sekolah kecil. Murid-murid yang boleh berulang alik ke sekolah dan tidak perlu diberi tempat tinggal di asrama perlu dipertimbangkan untuk bantuan pengangkutan".

Sekiranya ada terdapat sekolah-sekolah yang tidak boleh dicantumkan, maka sekolah-sekolah ini hendaklah dibiarkan demikian tetapi agar sekolah-sekolah ini tidak rugi dan ketinggalan, maka adalah diperakukan bahawa pertimbangan khas diberi untuk membekalkan sekolah-sekolah ini dengan peruntukan guru yang lebih dan segala kemudahan yang lain termasuk kemudahan-kemudahan fizikal dan bahan-bahan kurikulum supaya

pencapaiannya nanti tidak jauh berbeza dengan sekolah-sekolah yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya suka menyebutkan sedikit mengenai sekolah integrasi. Saya tertarik dengan satu perancangan yang diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, satu rancangan pendidikan baru iaitu sekolah integrasi yang akan bermula pada tahun depan dan akan melibatkan kalau tidak silap saya sebagai permulaan sebanyak 18 buah sekolah rendah. Butir-butir mengenai konsep dan teori sekolah integrasi ini adalah masih menjadi tanda tanya sebab belum diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan sepenuhnya. Namun begitu di antara tujuan-tujuannya seperti mana difahamkan ialah bertujuan meningkatkan pergaulan, persefahaman dan kerjasama di antara sekolah-sekolah, meningkatkan penyertaan murid-murid, guru-guru dan sekolah-sekolah yang berlainan di dalam kegiatan ko-kurikulum secara bersama; meningkatkan kemudahan penggunaan kemudahan dan peralatan sekolah-sekolah secara bersama dan lengkap atau maksimum; meningkatkan kerjasama ibu bapa dan guru-guru dan mungkin matlamat akhirnya ialah memupuk integrasi nasional dalam masyarakat berbilang kaum.

Pada pendapat saya, kepada rakyat jelata yang cintakan keamanan dan kemakmuran negara, integrasi sememangnya menjadi idaman mereka sebab integrasi ialah matlamat murni yang tidak boleh dipersoalkan lagi. Walau bagaimanapun persoalan-persoalan yang timbul, bagaimanakah cara atau jalan bagi mencapai integrasi itu? Persoalan yang pokok ialah mengenai bahasa pengantar. Persoalan-persoalan lain, bagaimana kedudukan sebuah jawatankuasa yang menganggotai sekolah integrasi dan berbagai-bagai persoalan lain yang

dibimbangkan oleh setengah kalangan dalam negara kita. Oleh yang demikian, sekiranya hasrat dan rancangan pendidikan baru ini hendak dilaksanakan dengan segera, maka penerangan yang sejelas-jelasnya patutlah diberi dengan seluas-luasnya sebelum meluasnya keraguan dan kebimbangan timbul di setengah kalangan yang berminat dengan isu pelajaran ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Besi.

4.45 ptg.

Tuan Chan Kok Kil (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Perbelanjaan dan ingin saya menyentuh kepada satu isu yang amat kontroversi pada masa ini iaitu isu sistem sekolah integrasi.

Pihak Kerajaan merancang sistem sekolah integrasi itu bertujuan untuk menggalakkan integrasi dengan penggabungan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang mana sesuai. Pihak Kerajaan bercadang supaya mengadakan aktiviti-aktiviti yang sama di luar bilik darjah bagi murid-murid daripada ketiga-tiga jenis sekolah, iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Walaupun rancangan itu diumumkan, pihak Kerajaan masih belum mengumumkan secara terperinci konsep sistem sekolah integrasi ini. Maka orang ramai khususnya pertubuhan-pertubuhan masyarakat Cina serta badan-badan berkenaan dengan hal pelajaran dari masyarakat Cina telah menyuarakan kekuatiran terhadap kesan-kesan daripada pelaksanaan rancangan sistem sekolah integrasi itu. Sejak bantahan daripada kalangan bangsa

Cina, Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Dr Ling Liong Sik mengumumkan baru-baru ini, bahawa Kementerian beliau akan mengeluarkan suatu buku butir-butir mengenai sistem sekolah integrasi untuk rujukan oleh semua pihak. Beliau juga sanggup bersedia untuk menggunakan nama lain jika nama "Sistem Sekolah Integrasi" itu tidak diterima.

Tuan Yang di-Pertua, dari pernyataan Timbalan Menteri, kita boleh mendapat tahu bahawa pihak Kerajaan belum ada satu pelan yang komprehensif mengenai pelaksanaan sistem sekolah integrasi. Pihak Kerajaan hanya menjalankan percubaan itu secara *ad-hoc* untuk tujuan menguji sambutan daripada rakyat jelata sahaja. Pihak Kerajaan sering menekankan akan sedaya upaya untuk mendapatkan keyakinan rakyat. Akan tetapi dalam hal sistem sekolah integrasi, pihak Kerajaan belum menunjukkan sikap yang liberal dan terbuka. Rakyat tidak faham apakah tujuan yang tulen untuk pihak Kerajaan mencadang sistem sekolah integrasi itu.

Punca-punca asal yang menyebabkan masalah polarisasi kaum bukanlah murid-murid yang muda ataupun sekolah-sekolah rendah yang pelbagai jenis. Faktor yang mengakibatkan masalah polarisasi kaum ialah dasar-dasar Kerajaan yang kurang adil. Sekiranya pihak Kerajaan hendak mengatasi masalah polarisasi kaum, pihak Kerajaan sendiri perlu mengkaji semula semua dasar-dasar Kerajaan yang menimbulkan perasaan ketidak-puashatian di antara kalangan rakyat berbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan bercadang untuk menjalankan sistem sekolah integrasi melalui dua model. Model yang pertama ialah terdiri daripada ketiga-tiga buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah

Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan(Tamil) yang berada dalam satu kawasan. Tetapi sekolah-sekolah tersebut di dalam satu kawasan yang sama tidak begitu banyak. Malangnya pihak Kerajaan telah memilih 54 buah sekolah untuk percubaan rancangan baru ini tanpa merundingkan dengan pihak-pihak berkenaan.

Tindakan pihak Kerajaan tersebut telah mengabaikan pandangan-pandangan golongan ibu bapa, pertubuhan guru-guru serta lembaga-lembaga sekolah rendah. Sikap angkuh dan kurang sensitif ini yang ditunjuk oleh pihak Kerajaan tidak dapat diterima sama sekali.

Menurut pengumuman pihak Kerajaan, program sekolah integrasi menekankan penglibatan dan kerjasama di antara murid-murid dari ketiga-tiga jenis sekolah rendah itu.

Walaupun pelajar-pelajar di dalam universiti-universiti dan sekolah-sekolah menengah belajar dalam institusi yang sama, dengan penggunaan bersama kemudahan dan peralatan, tetapi masalah polarisasi kaum masih timbul di institusi-institusi pelajaran tersebut.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan program sekolah integrasi ini tidak akan berkesan untuk membenteraskan masalah polarisasi kaum. Saya ulangi bahawa usul pertama yang menyebabkan polarisasi kaum ialah dasar Kerajaan yang membahagikan rakyat Malaysia kepada dua jenis warganegara, iaitu kaum bumiputera dan kaum non-bumiputera.

Masa telah tiba untuk pihak Barisan Nasional menyedarkan bahawa di dalam suasana yang tidak adil dan tidak saksama, masalah polarisasi akan timbul di antara abang dan adik dalam keluarga yang sama.

Saya menentang dengan sekeras-kerasnya program sekolah-sekolah integrasi yang dirancangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4,51 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. bahawa pembentangan Belanjawan negara tahun 1986 melegakan semua lapisan rakyat di dalam negara ini. Ini menurut Ketua Pembangkang.

Ketua Pembangkang juga mengakui bahawa Belanjawan ini yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini adalah Belanjawan yang tidak menyakitkan sesiapa. Inilah kali pertama saya kira kita dengar suara yang agak sehaluan dengan Kerajaan, lahir dari seorang Ketua Pembangkang.

Pada kebiasaannya, pada masa-masa yang lepas, apa sahaja yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan ianya tetap akan ditentang walaupun perkara-perkara tersebut akan memberikan manfaat kepada majoriti rakyat di dalam negara ini. Belanjawan yang tidak menyakitkan sesiapa menurut Ketua Pembangkang dan dengan ungkapan ini juga membuktikan kepada rakyat di dalam negara ini bahawa Kerajaan yang memerintah sekarang begitu bersungguh-sungguh untuk membawa negara ini ke arah kemakmuran, kedamaian dan kesentosaan. Dengan ungkapan itu juga dapat kita nilai bahawa dalam suasana kemelesetan ekonomi seperti sekarang ini Kerajaan sebenarnya begitu bersungguh-sungguh mengajak semua lapisan rakyat di dalam negara ini bangun bersama-sama memerangi wabak kemelesetan tni. Justru itu saya ingin

mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan, pegawai-pegawai Kerajaan dan semua yang terlibat di dalam merancang, mengkaji dan menyediakan suatu Belanjawan negara yang bagi saya begitu ideal dan realistic sekali.

Tuan Yang di-Pertua, menyingkap kembali ucapan dari Ketua Pembangkang dalam membahaskan belanjawan ini terdapat satu ayat yang sungguh-sungguh mengelirukan dan kurang senang bagi saya iaitu ayat yang berbunyi ". . . meminta Kerajaan mengkaji semula dan menangguhkan pelaksanaan sekolah integrasi".

Kemudian daripada itu wakil dari Muar juga berpendapat sedemikian rupa dan menyerap kembali apa yang telah diluahkan oleh wakil dari Sungai Besi di dalam ucapannya sebentar tadi seolah-olah meminta Kerajaan supaya mengkaji semula tentang pelaksanaan sekolah integrasi.

Saya tidak faham apa yang sebenarnya ada di lubuk hati DAP khususnya Ketua Pembangkang, wakil dari Kota Melaka mengenai integrasi dan polarisasi yang sering ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebelum isu sekolah integrasi ini begitu hangat diperbincangkan parti DAP biasanya mengkritik Kerajaan, kononnya Kerajaan tidak mewujudkan suasana harmoni di antara kaum. Sering membidas Kerajaan, kononnya Kerajaan tidak melaksanakan perkara-perkara yang akan membawa kepada integrasi, interaksi di antara kaum di dalam negara ini. Dan sering menyinggung perasaan Kerajaan kononnya program-program pembangunan Kerajaan menimbulkan keadaan-keadaan polarisasi di antara kaum. Pendek kata apa sahaja yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengekalkan kedamaian, keharmonian dan kesentosaan masyarakat yang

berbilang kaum, berbilang keturunan di dalam negara ini, adalah salah pada pandangan mereka dari sudut interaksi, integrasi dan polarisasi.

Pendek kata apa sahaja yang dibuat oleh Kerajaan untuk membangunkan negara adalah juga salah bagi mereka dari sudut yang telah saya sebutkan itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan Kerajaan berusaha untuk mewujudkan suatu sistem interaksi dan integrasi yang baik di kalangan rakyat yang berbilang keturunan di dalam negara ini, Pembangkang terutamanya DAP akhir-akhir ini begitu lantang menyuarakan perasaan tidak senang, perasaan tidak yakin, perasaan tidak setuju terhadap ura-ura dan rancangan Kerajaan untuk mewujudkan suatu sekolah yang kelak akan dinamakan sebagai sekolah integrasi. Dengan ketidak senangan mereka itu jelas bagi saya bahawa parti DAP ini akhir-akhir ini terutamanya cuba mempermainkan politik demi untuk menyemarakkan lagi semangat perkauman di negara ini. Dan ini saya kira amat membahayakan masyarakat yang berbilang keturunan, berbilang kaum dan berbilang agama yang telah selama ini telah dapat dipelihara kedamaian, keharmonian dan kesentosaan sesama mereka.

Jelas juga kepada saya dengan adanya, dengan terbawanya isu sekolah integrasi ini bahawa parti DAP cuba bermain politik untuk kepentingan peribadi dan kepentingan DAP itu sendiri terutama di saat-saat kita akan menghadapi pilihanraya kebangsaan yang akan datang.

Parti ini nyata sekali kepada saya adalah sebuah parti yang hipokret, sebuah parti yang mempermainkan politik yang tidak berprinsip, sebuah parti yang mempermainkan politik

yang tidak memandang kepada keadaan sebenar negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Sekolah Integrasi adalah bertujuan untuk mengikiskan, menghilangkan sentimen-sentimen primordial di dalam negara kita ini. Pepatah ada berkata: Kalau kita hendak melentur buluh, biarlah ianya dari rebung. Maka dengan itu pengikisan sentimen-sentimen primordial, sentimen perkauman hendaklah dilaksanakan melalui Institusi Pengajian Rendah iaitu melalui sekolah-sekolah rendah lagi.

Sebagai seorang yang pada satu ketika dahulu pernah mendidik anak-anak, saya rasa akibat daripada kegagalan kita menyemaikan perasaan kekitaan, akibat daripada kegagalan kita untuk menanamkan semangat nasionalisma, semangat kebangsaan, semangat cintakan negara, maka bibit-bibit kegagalan itu kita rasai pada masa ini di mana seperti apa yang dinyatakan oleh wakil dari Sungai Besi di dalam ucapannya sebentar tadi bahawa hingga ke masa ini penuntut-penuntut di Institusi-institusi Pengajian Tinggi juga memperlihatkan suasana polarisasi, iaitu ringkas kata ada riak-riak perkauman di dalam Institusi-institusi Pengajian Tinggi di dalam negara kita ini. Oleh hal yang demikian, saya berpendapat murid-murid yang berumur, anak-anak yang berumur 6 tahun apabila mereka dimasukkan ke sekolah rendah mengikuti matapelajaran KBSR seperti apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini, dan melalui beberapa matapelajaran seperti yang telah dinyatakan, dan diakui sendiri oleh Timbalan Menteri Pelajaran di dalam menjawab soalan mengenai KBSR di dalam Dewan ini sebentar tadi di mana beliau memperakui bahawa melalui sistem KBSR, maka semangat kebangsaan, semangat nasionalisma,

semangat menanam cintakan tanahair, semangat menanamkan perasaan persefahaman dan kekitaan dapat diwujudkan, maka dengan itu cara yang paling baik adalah bagi saya kita laksanakan Sekolah Integrasi ini.

Pada masa ini jika sekiranya sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Rendah, iaitu daripada Tingkatan I hingga ke Tingkatan III yang terdiri daripada satu kaum sahaja, apabila pelajar-pelajar Tingkatan III ini lulus di dalam peperiksaan SRP, maka mereka akan memasuki Tingkatan IV di dalam Sekolah Menengah penuh apabila sahaja mereka masuk ke dalam Sekolah Menengah penuh ini, mereka akan menghadapi satu suasana yang baru. Di dalam suasana yang baru itu mereka akan berkumpul sesama mereka, bergaul sesama mereka. Di sini kelihatan nyata jika sekiranya perkara ini tidak kita bendong, nyata kepada kita bahawa masalah polarisasi ini dari peringkat Tingkatan IV, pelajar-pelajar Sekolah Menengah sampai ke Institusi Pelajaran Tinggi akan berlarutan. Oleh itu ingin saya tekankan lagi sekali bahawa jika sekiranya kita benar-benar berhasrat untuk melihat masyarakat di dalam negara ini bersatu-padu, saling hormat-menghormati di antara satu sama lain, cintakan tanahair, cintakan negara, maka penyemaian terhadap cintakan tanahair, cintakan negara ini perlu kita laksanakan kepada anak-anak kita daripada mereka bersekolah rendah ini dengan cara memperkenalkan Sekolah Integrasi. Dan di dalam keadaan ini semua pihak harus berkorban, orang-orang Melayu telah pun banyak mengorbankan hak-hak mereka.

Tatkala saya darjah satu bersekolah rendah dahulu, dari sekolah rendah itu bernama Sekolah Melayu, apabila saya sampai ke Tingkatan III, tatkala semangat memperjuangkan kemerdekaan begitu hebat

diperjuangkan oleh masyarakat Melayu, Sekolah Melayu ditukar kepada nama Sekolah Umum. Apabila negara kita telah mencapai kemerdekaan dan kita sedang memperjuangkan ke arah satu bahasa, maka Sekolah Umum itu ditukar pula kepada Sekolah Kebangsaan.

Saya ingin bertanya kepada mereka yang jelas memberikan tentangan terhadap pengenalan Sistem Sekolah Integrasi ini di mana pengorbanan yang boleh diperlihatkan, ditunjukkan oleh SRJK. yang ada di dalam negara kita ini, melainkan mereka ingin mengekalkan apa yang ada pada mereka sekarang.

Saya rasa apa yang cuba dipertahankan oleh mereka ialah dari segi hak pemilikan sekolah tersebut, hak-hak tanah bangunan, kuasa-kuasa Lembaga Pentadbir Sekolah yang berkenaan, itu sahaja. Apa salahnya jika sekiranya sebelah kaum sini telah pun banyak memberikan pengorbanan, maka sebelah sana juga perlu memberikan pengorbanan di dalam bentuk yang lain, asalkan tujuan, matlamat dan cita-cita kebangsaan kita tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mencadangkan kepada Kerajaan di dalam kita hendak mewujudkan Sekolah Integrasi ini janganlah kita pilih sekolah itu, sekolah ini hendak dijadikan sebagai Sekolah Integrasi, kita campur-campurkan, misalnya Sekolah Kebangsaan sekarang yang rata-rata murid-muridnya terdiri daripada anak-anak Melayu kita. Apa salahnya kita ambil sebahagian daripada murid-murid tersebut dari sekolah SRJK (C) ataupun SRJK (T) masuk ke dalam Sekolah Kebangsaan, begitu juga murid-murid di Sekolah Kebangsaan sebahagiannya kita ambil, kita masukkan ke dalam SRJK (C), SRJK (T). Dengan keadaan ini, saya rasa Kerajaan di dalam memberikan pengagihan peruntukan

kepada sekolah-sekolah tersebut akan dapat memberikan peruntukan-peruntukan yang sama kepada semua sekolah yang ada di dalam negara kita ini dan masalah pemilikan harta, masalah kepentingan-kepentingan Ahli Jemaah Pentadbir Sekolah sudah tidak timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memendekkan masa, daripada pelajaran saya ingin beralih kepada belia. Bilangan rakyat yang berumur di antara 15 tahun hingga ke 34 tahun di dalam negara kita pada masa ini adalah lebih kurang 4.5 juta orang. Mereka ini berumur di antara 15 hingga ke 34 tahun bolehlah kita golongan sebagai golongan belia. Kita perhatikan keadaan belia sekarang ini dan kita dapati seolah-olah belia pada masa ini telah pun hilang panduan, seolah-olah mereka hilang pedoman seperti layang-layang putus tali. Mereka berpoya-poya di kompleks-kompleks membeli-belah, menghabiskan masa di taman-taman hiburan, ada pula di kalangan murid-murid sekolah yang menghabiskan masa di kawasan-kawasan perkelahan, di kompleks-kompleks membeli-belah, mereka ponteng sekolah. Jika sekiranya gejala-gejala yang saya anggapkan sebagai gejala negatif ini kita biarkan berterusan, maka saya yakin, saya percaya bahawa perasaan patriotisma di kalangan belia-belia ini akan merosot, semangat nasionalisma di kalangan mereka akan habis, akan pupus dan jika sekiranya perasaan patriotisma, perasaan dan semangat nasionalisma ini hapus dan pupus, maka yang akan menerima padahnya ialah masyarakat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu Kerajaan hendaklah menitikberatkan masalah kaum belia di dalam negara kita ini yang pada suatu ketika akan datang bakal mewarisi kepimpinan negara kita. Persatuan-persatuan belia yang wujud bercambah di dalam negara kita ini hendaklah

diperkenalkan dengan suatu approach kepimpinan persatuan yang baru: kalau kita lihat kebanyakan persatuan-persatuan belia yang ada sekarang ini adalah berada di dalam keadaan hidup segan mati tidak mahu. Walaupun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dari semasa ke semasa menganjurkan kursus-kursus kepimpinan, kursus-kursus urusan rumahtangga, khemah-khemah kerja dan berbagai bentuk kursus dan khemah kerja dianjurkan tetapi keadaan persatuan, keadaan belia di dalam negara ini tetap di dalam keadaan seperti sekarang seperti layang-layang yang putus talinya. Kursus kepimpinan yang telah saya sebutkan tadi yang sering dari masa ke semasa dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan diberikan dengan suatu pendekatan yang baru. Saya telah melibatkan diri di dalam persatuan belia melebihi 10 tahun dan banyak tahun mengikuti kursus-kursus kepimpinan ini dan saya dapati program kursus selama lima hari itu tidak berubah-ubah daripada dahulu hingga ke sekarang ini.

Kalau tidak hendak ubah pun tidak mengapa tetapi biarlah penceramah-penceramahnya itu diubah-ubah. Janganlah misal kata Ahli Parlimen daripada Tenggaroh tahun ini memberikan ceramah atas tajuk yang sama, tahun hadapan memberikan ceramah atas tajuk yang sama, di tempat yang sama, kepada belia yang sama, tahun lagi satu memberi tajuk ceramah yang sama kepada belia yang sama, di tempat yang sama. Ini saya rasa yang membosankan belia-belia yang akan ataupun bakal mengikuti khemah-khemah kerja, kursus-kursus kepimpinan, kursus-kursus urusan rumahtangga. Apa salahnya kita datangkan pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kita tukar-tukarkan buat jadual tugas di kalangan mereka, memberi

semangat yang baru pendekatan yang baru kepada mereka yang mengikuti kursus-kursus tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga keadaannya dengan pusat-pusat latihan belia di dalam negara kita ini. Kalau tidak salah saya dalam negara ini hanya terdapat 3 pusat latihan belia, di Dusun Tua, di Pertak dan satu lagi di Terengganu. Tidak cukup dengan keadaan belia yang ramai, tidak cukup untuk menampung bilangan belia yang berjumlah lebih kurang 5 juta orang itu, juga tidak cukup untuk menampung kehendak belia-belia yang berpoya-poya di suatu pusat kompleks membeli-belah misalnya Pertama Kompleks.

Apa salahnya kita banyakkkan pusat-pusat latihan belia ini dan pembinaan bangunan tidak usahlah dipertekankan dengan kos yang tinggi, memadai dengan keadaan bangunan yang sederhana, kita berikan latihan kepada mereka setelah mereka tamat mengikuti latihan kemahiran di dalam suatu pusat mengikut bidang kebolehan, kegemaran mereka masing-masing dan pegawai belia yang ada di tiap-tiap daerah memberi pula bimbingan pekerjaan kepada mereka, sentiasa memberi khidmat nasihat kepada mereka, agar mereka ini boleh hidup berdikari dengan adanya kemahiran yang mereka perolehi melalui kursus-kursus yang telah diberikan kepada mereka semasa mereka mengikuti kursus kemahiran.

Program belia niaga dan belia peladang juga saya rasa banyak jika sekiranya kita ingin melihat belia-belia ini hidup berdikari, program belia niaga dan belia peladang harus kita ambil berat. Berikanlah peruntukan kepada program belia niaga dan peruntukan untuk program belia peladang. Kebanyakan belia-belia kampung yang berhijrah ke bandar kerana pekerjaan di kampung-kampung tidak begitu ekonomik bagi mereka; akhirnya apabila mereka

sampai ke bandar mereka terpengaruh dengan suasana bandar dan akhirnya mereka terjerumus ke lembah yang tidak diinginkan. Untuk membendung perkara ini melalui program belia niaga dan belia peladang, saya kira dapat sedikit sebanyak memberikan sumbangan kepada mereka untuk terus hidup kekal di kampung ataupun di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di dalam satu daerah hanya terdapat seorang sahaja Pegawai Belia dan mungkin satu ataupun dua orang kakitangan di dalam Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi satu-satu daerah. Biasanya Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan ini diberikan beberapa tugas sampingan, tugas kemasyarakatan, beliaulah juga mengendalikan urusan-urusan pentadbiran pejabat, beliaulah juga yang sering diberi tugas oleh pemimpin-pemimpin daerah, menjadi setiausaha majlis kebudayaan, setiausaha majlis silat, setiausaha majlis sukan, setiausaha bahagian kebudayaan semasa sambutan Hari Keputeraan, setiausaha bahagian kebudayaan semasa sambutan Hari Kebangsaan dan berbagai-bagai setiausaha lagi.

Oleh hal yang demikian, oleh kerana banyaknya tugas Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan di dalam sesuatu daerah ini maka sering terdapat persatuan-persatuan, majlis-majlis yang diwujudkan di dalam sesuatu daerah di mana Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan menjadi setiausahanya keadaannya seperti apa yang dikatakan pepatah, yang dikejar tidak dapat yang dikandung kecikiran, tarik ke atas nampak lutut, turun ke bawah nampak pusat kalau kita pakai kain sarung. Itulah hakikat yang sebenarnya keadaan di kebanyakan daerah-daerah kerana beban tugas yang

dipertanggungjawabkan kepada seorang Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan ini terlalu banyak.

Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya struktur dan organisasi Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di daerah ini dikajikan semula dan dibentuk satu struktur yang baru. Adakan beberapa orang pegawai, pegawai bahagian sukan dan kebudayaan, pegawai bahagian belia untuk menguruskan persatuan-persatuan belia, untuk menguruskan projek-projek belia peladang, belia niaga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia masalah kecergasan dan kesihatan rakyat adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak sama ada oleh Kerajaan ataupun swasta. Dan kecergasan ini selalunya dikaitkan dengan sukan, dengan riadah ataupun senaman. Selayang pandang rakyat di negara kita boleh bergembira kerana setiap tahun Kerajaan memperuntukkan sejumlah besar wang negara bagi mempertingkatkan mutu sukan di negara kita juga untuk memastikan konsep sukan untuk masyarakat melalui Kempen Malaysia Cergas berjalan dengan lancar. Tetapi kegembiraan itu boleh bertukar kepada kedukaan dan kehibaan yang terus menerus apabila melihat mutu peningkatan sukan di negara kita ini tidaklah seberapa sangat. Pun, apabila disedari bahawa penglibatan masyarakat umum untuk beriadah tidaklah seberapa sangat. Apakah menyebabkan hal ini berlaku? Rasanya tidak adil kalau hal ini hendak dipersalahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja. Bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota Kerajaan sebarang kesilapan, sebarang perkara yang tidak senang dilihat berlaku hendaklah kita bersama-sama memperbetulkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup masa, bolehkah Yang Berhormat gulungkan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin menyentuh bahagian sukan, saya ingin memberikan penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah berucap 30 minit. Bolehkah Yang Berhormat gulungkannya.

Tuan Khadri bin Sabran: Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya; saya ingat saya boleh sentuh lagi perkara ini di dalam Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih. Buat akhirnya, saya menyeru kepada Kerajaan oleh kerana bilangan belia kita ini ramai maka kita harus memberikan penekanan yang lebih supaya belia kita bolehlah kita anggapkan keadaannya sekarang ini tidak mempunyai pedoman dan panduan. Kita berikan mereka pedoman, kita berikan mereka panduan agar keadaan masyarakat di dalam negara kita ini dapat kita kekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Julau.

5.24 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya berucap menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan Persekutuan tahun 1986 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober, 1985 yang lalu. Belanjawan kita untuk tahun 1986 ini patut dipuji kerana ia tidak membebankan mana-mana pihak atau menyusahkan rakyat jelata. Rakyat

kita di seluruh negara ini mengalukan Belanjawan Kerajaan kerana ia masih memberi kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, bekalan elektrik, jalan raya luar bandar, klinik dan lain-lain lagi. Kerajaan Barisan Nasional kita terpaksa dengan sedaya upaya memberi bantuan kepada orang-orang miskin dan orang-orang berpendapatan rendah demi untuk mempertingkatkan taraf kehidupan mereka di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran Belanjawan yang berjumlah \$8,857,740,400 ini dianggap sederhana kerana kita sekarang ini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dunia tetapi Kerajaan mestilah berhati-hati apabila membelanjakan wang tersebut, ini oleh kerana peruntukan itu tidak akan membawa kesan yang diharap-harapkan oleh rakyat dan juga Kerajaan sendiri jikalau pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak dibuat dengan adil dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil kepada kawasan pengundian luar bandar di negeri Sarawak, kami ingin melihat keputusan dan kemajuan yang lebih baik dilakukan terhadap masyarakat luar bandar di negeri ini. Berhubung dengan negeri Sarawak tidak banyak perubahan yang telah dilakukan terhadap pembangunan masyarakat luar bandar semenjak 22 tahun selepas merdeka. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh masalah komunikasi, pengangkutan dan kekurangan wang peruntukan yang menyebabkan kesusahan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Sekiranya masyarakat di luar bandar diberi peluang untuk membangun, saya ingin memberi pendapat bahawa sekurang-kurangnya 70% dari Belanjawan yang diperuntukkan kepada negeri Sarawak di bawah program pembinaan jalan raya akan diberi keutamaan kepada

kawasan-kawasan luar bandar untuk membina jalan raya ke kampung-kampung dan ke rumah-rumah panjang. Jika ini tidak dilakukan maka kehidupan masyarakat luar bandar akan hanya bergantung semata-mata kepada pertolongan Tuhan selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada persidangan-persidangan Parlimen yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini saya telah berulang kali menyebut masalah ini untuk menarik perhatian pihak berkuasa yang berkenaan untuk membangunkan masyarakat di luar bandar. Pertama dengan membina lebih banyak lagi jalan raya-jalan raya dan membuka tanah-tanah untuk skim pembangunan tanah secara besar-besaran supaya dapat ditanam apa sahaja tanaman yang boleh dijual di pasaran dalam dan di luar negeri. Saya ingin menyokong gesaan Ahli Yang Berhormat dari Kapit dalam ucapannya semasa perbincangan ini. Di dalam soal pembangunan tanah Agensi-agensi Persekutuan hendaklah menurunkan kuasanya kepada agensi-agensi seperti FELDA dan FELCRA. Tuan Yang di-Pertua, masa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Sarawak baru-baru ini beliau telah berucap melalui Radio Malaysia, Sarawak dan juga membuat kenyataan di akhbar tempatan. Kita percaya bahawa beliau Perdana Menteri yang pertama dapat melihat masalah utama yang menyebabkan kemiskinan berlaku terutamanya pada masyarakat luar bandar Sarawak.

Ingin saya tekankan di sini bahawa keadaan ini disebabkan oleh petani-petani luar bandar yang masih menggunakan cara penanaman padi di bukit melalui pertanian pindah atau, dengan izin, shifting cultivation. Sistem ini adalah sistem pertanian yang membuang masa, tenaga dan wang. Keduanya ialah masalah pengangkutan dan komunikasi. Ini disebabkan hampir 80% daripada

penduduk luar bandar di Sarawak tinggal jauh daripada bandar-bandar, dan ketiadaan jalan raya yang sempurna menyebabkan kesusahan kepada mereka membawa barang tempatan mereka untuk dijual di bazaar ataupun pasar yang terdapat di kawasan-kawasan bandar. Juga perbelanjaan bagi perjalanan dari satu tempat ke satu tempat adalah tinggi sekali,

Masyarakat di Sarawak sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana lawatannya ke sana dan juga kefahaman beliau mengenai masalah yang dihadapi oleh masyarakat ini setiap hari. Kami masyarakat di Sarawak sangat-sangat berharap bahawa hasil daripada lawatan beliau itu kami akan diberi lebih keutamaan melalui pemberian Belanjawan Pembangunan untuk keperluan membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Adalah pendapat saya bahawa jika sekiranya kawasan-kawasan luar bandar tidak dibangunkan sekarang, maka mungkin Kerajaan akan terlambat berbuat apa-apa di masa-masa akan datang untuk menampung frustrasi atau kekecewaan yang kian bertambah sekarang yang sangat-sangat dirasakan oleh penduduk luar bandar di negeri ini.

Seperti yang kita sedia maklum, petani-petani di Sarawak tidak mempunyai alternatif yang lain untuk mengganti sistem pertanian pindah dan inilah sahaja caranya untuk mereka mencari sesuap nasi setiap hari. Mereka merupakan kumpulan yang sangat tekun dan rajin tetapi masih di tahap kemiskinan kerana ketiadaan wang yang boleh dijadikan modal untuk memulakan cara-cara pertanian baru terhadap tanah mereka. Mereka tidak mempunyai jentera untuk bekerja dan tidak terdapat sebarang institusi kewangan atau bank yang boleh memberi

pinjaman yang mencukupi. Bank Pertanian nampaknya tidak berguna di Sarawak kerana institusi ini hanya dapat memberi beberapa ribu ringgit pinjaman sahaja yang mengenakan kadar faedah yang rendah dan juga yang mengambil beberapa tahun pula untuk peminjam-peminjam mendapatkan kelulusan dari pihak tertentu. Jika peminjam ingin meminjam lebih dari \$5,000, kadar faedahnya naik sehingga 19% setahun.

Saya ingin menyarankan sekali lagi bahawa ada penting sekali bagi Agensi Pembangunan Tanah Persekutuan untuk menyampaikan terus aktiviti ke Sarawak. Saya memang sedia maklum bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai program-program pembangunan tanah melalui sektor swasta. Apa yang saya takutkan ialah apabila berurusan dengan masyarakat luar bandar di mana hak tanah adalah di bawah "customary right" yang mungkin tidak begitu mudah untuk pihak sektor swasta memajukannya. Ia harus dilakukan juga untuk agensi Kerajaan. Malaysia bolehlah dikenali sebagai negara pertanian dan kita bolehlah dikatakan beruntung kerana tidak teruk terlibat dengan kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan seperti negara-negara perindustrian di dunia ini.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan kita meninjau ke dalam semua aspek aktiviti pertanian untuk mencari masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani dan pekebun-pekebun moden kita. Kenapa kebanyakan daripada mereka tidak dapat mencapai kemajuan yang baik seperti diharap oleh negara? Jika kita mahu petani-petani dan pekebun-pekebun mencapai kemajuan, kita haruslah membasmi kemiskinan di luar bandar. Saya ingin memberi pendapat bahawa Kerajaan harus mengurangkan harga baja serendah yang boleh untuk membolehkan petani-petani membelinya. Juga,

semua barang-barang dan jentera-jentera pertanian dikecualikan daripada cukai.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kerakyatan palsu atau, dengan izin, "phantom citizen" masih lagi wujud di negara kita, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak. Saya ingin mengulangi isu ini kerana saya kurang berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri kepada soalan saya pada 16hb Oktober, 1985. Di sini saya ingin menjelaskan mengapa kerakyatan palsu "phantom citizens" wujud. Ia wujud semasa pemerintahan British lagi sebelum tahun 1963. Pada waktu tersebut, Jabatan Pendaftaran di bawah pemerintahan penjajah tidak mengambil tindakan yang serius untuk mendaftar kelahiran-kelahiran dan kematian rakyat Sarawak. Lagipun, masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman kurang pasti dan tidak mengetahui langsung mengenai pendaftaran dan kenapa mereka harus mendaftar. Pada waktu dahulu semasa pemerintahan penjajah, beribu-ribu buah keluarga tidak mendaftar diri mereka dengan Jabatan Pendaftaran dan kebanyakan daripada mereka sekarang ini tidak boleh memohon kad pengenalan atau sijil kelahiran kerana mereka tidak mempunyai sebarang dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Pendaftaran untuk menyokong permohonan mereka. Banyak sekali permohonan mereka ditolak kerana tidak lengkap dengan butiran-butiran yang dikehendaki. Sebenarnya mereka ini adalah rakyat Malaysia yang tulen mengikut kelahiran dan kesetiaan dan telah menetap di Sarawak semenjak zaman datuk-nenek mereka lagi. Mereka adalah rakyat Malaysia yang setia. Dalam masalah ini sesuatu harus dilakukan untuk membolehkan "phantom citizens" ini mendaftarkan diri, jika tidak, mereka akan tetap tinggal sebagai rakyat Malaysia yang tidak berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin mengalihkan perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat kepada polisi pelajaran negara. Kerajaan kita harus bersedia menghadapi permintaan yang bertambah dari golongan intelek-intelek muda kita yang sekarang ini sedang berusaha untuk mendapatkan pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan atau di luar negeri. Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, dengan Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak seharusnya menolak pennohonan para intelek ini yang benar-benar ingin mendapatkan ijazah atau diploma di universiti-universiti supaya kemudian hari kelak mereka akan dapat berkhidmat untuk negara. Saya berkata demikian kerana terdapat beberapa kes, terutama sekali dari Sarawak di mana pelajar-pelajar yang memohon untuk ke universiti tempatan telah diberitahu beberapa kali bahawa tidak terdapat sebarang kekosongan. Oleh itu mereka tersebut harus berputus asa.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa Inggeris adalah bahasa international dan oleh itu ia adalah sangat penting untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar kita selain daripada mata pelajaran Bahasa Malaysia. Di sini saya mengesakan Menteri Pelajaran untuk memperbaiki taraf bahasa Inggeris di dalam sistem pelajaran kita di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan berkenaan Rang Undang-undang Pindaan untuk menambahkan jumlah Kerusi Parlimen untuk negeri Sarawak seorang Ahli dari Bandar Kuching telah membangkang dengan sekeras-kerasnya Rang Undang-undang tersebut. Beliau menyatakan bahawa kawasan pengundiannya sangat luas dan mempunyai jumlah pengundi yang terbanyak sekali di negeri itu. Beliau juga mengatakan bahawa ia hampir setengah mati untuk

memenangi undi sebanyak 25,000. Ahli dari Bandar Kuching juga menyatakan bahawa kawasan pengundian saya iaitu Julau ialah yang terkecil sekali dengan jumlah pengundi sebanyak 10,000 orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli dari Bandar Kuching seorang yang bcrtimbang rasa ia akan dapat menjalankan tugasnya tanpa menghadapi masalah kerana ia boleh menggunakan segala kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan yang dibangkangnya hari ini. Ia boleh bertugas di dalam bilik yang berhawa dingin, menggunakan telefon sebanyak mungkin dan boleh membuat hubungan dengan beribu-ribu pengundi dalam dua atau tiga jam sahaja dan juga tidak payah menggunakan banyak wang untuk berjalan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Ini juga saya tahu kerana kawasan pengundian beliau hanya meliputi lebih kurang 33 batu persegi sahaja dan dilengkapi dengan kemudahan yang moden dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Ahli dari Bandar Kuching tersebut telah membandingkan kawasan beliau dengan kawasan saya di Julau dan mengatakan bahawa adalah sangat senang untuk memenangi pilihanraya di Julau, tetapi ini adalah semata-mata untuk tujuan mengkritik sahaja. Jika begitu senang sekali untuk memenangi Kerusi Parlimen di Julau saya tidak melihat kenapa Ahli tersebut tidak harus meninggalkan kawasan beliau dan bertanding di Julau.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bahawa saya hampir setengah mati untuk dipilih tetapi ia melibatkan banyak masa, tenaga dan wang ringgit. Saya menghabiskan lima ke enam hari hanya untuk melawat sebahagian daripada tempat-tempat membuang undi sahaja. Kami menggunakan bot-bot panjang dan

berjalan berbatu-batu selama beberapa jam melalui bukit dan hutan dan hampir 85% perjalanan meliputi jalan-jalan hutan iaitu jungle tracks.

Saiz kawasan pengundian Julau ialah 1,018.8 batu persegi manakala Bandar Kuching ialah 33 batu persegi. Saya ingin membetulkan kenyataan Ahli dari Bandar Kuching bahawa bilangan pengundi di kawasan pengundian Julau pada pilihanraya tahun 1983 hampir 13,000 dan jumlah penduduknya adalah sebanyak 30,000. Angka tersebut sangat berbeza sekali kerana terdapat banyak pengundi-pengundi yang belum didaftarkan dan hampir 75% daripada masyarakatnya hidup di bawah garis kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli dari Bandar Kuching berkhidmat di kawasan saya ia tidak hanya akan menyatakan setengah mati tetapi ia akan menyatakan "mampus".

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Bandar Kuching adalah seorang Ahli DAP dan DAP adalah pihak Pembangkang. Mereka menentang segala polisi-polisi Kerajaan tetapi menikmati semua kemudahan Kerajaan lebih daripada kita semua. Beliau juga menentang akan Projek Bakun dari masa ke semasa di dalam dan luar Parlimen dan di akhbar-akhbar Sarawak hanya untuk mendapatkan publisiti murah tetapi jenis publisiti ini tidak diterima oleh masyarakat dan kerana ini mereka tidak lagi memenangi sebarang kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, saya menyokong Belanjawan Persekutuan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.46 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, di penghujung ucapan Betanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober lepas beliau berkali-kali memohon doa kepada Allah minta dilindungi negara ini dari bahaya dan minta supaya kita berjaya dalam mengatasi balapetaka inflasi dan kemelesetan ekonomi dan sebagainya.

Bagi orang Islam doa adalah ibadat kerana ia menandakan rendah hati dan rendah diri di depan Tuhannya yang agung dan berkuasa penuh. Oleh itu, maka bagi menentukan satu-satu doa itu dimakbulkan kita dikehendaki menyiapkan syarat-syarat tertentu bagi menjaminkan doa kita tidak disia-siakan dan titik-peluh kita akan dinilai sebagai bahan bekalan yang berguna di pasaran akhirat nanti.

Di antara syarat terpenting untuk dimakbulkan doa ialah kepatuhan dan kesetiaan kita yang tidak berbelah bagi kepada Allah. Wal lazimastajabuli rab bihim al ayah (Al-syura 38). Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak termasuk dalam kategori Wal lazimastajabuli rab bihim. Negara kita tidak tunduk, patuh pada Allah, taat setia negara kita adalah berbelah bahagi di antara Allah dan hawa nafsu.

Contoh yang paling jelas ialah keadaan penggubal undang-undang kita sama ada di peringkat Perlembagaan atau di peringkat aturan dan peraturan-peraturan kecil, penggubal-penggubal ini tidak menjadikan Kalamullah atau Al-Quran sebagai bahan rujukan mereka, tidak menjadikan syarah dan pentafsiran Kalamullah tadi iaitu Al-Hadis sebagai bahan rujukan mereka, tidak menjadikan pentafsiran dan pengalaman ahli fikir dan pakar perundangan Islam iaitu Fekah

sebagai bahan rujukan mereka, bahkan mereka itu tidak diminta dan diperlukan supaya mendekati golongan cerdik pandai Islam seperti Al-Shafie bin Idris, Annokman bin Shabit, Ahmad bin Hambal, Malik bin Annas, Ibnu Hajan dan sebagainya, dari tokoh-tokoh pemikiran dan perundangan yang telah begitu banyak membuat jasa dan memberi pimpinan kepada ratusan ribu manusia dalam ratusan tahun zaman pemerintahan Islam dari Moroco di penghujung Barat Afrika sampai di Maroke di penghujung Timur Asia.

Jadi, bila Kalamullah, yang mulia ini tidak dijadikan bahan rujukan bagi perundangan kita sedangkan ianya berupa surat kiriman daripada Allah khusus untuk hambanya, manusia dan bila pentafsiran yang dilakukan dan diutarakan sendiri oleh Nabi Muhammad sendiri tidak juga dijadikan bahan rujukan perundangan kita sedangkan beliau dilantik khusus untuk menjadi maha guru, maka mahu tak mahu kita adalah tergolong dalam golongan orang yang berpura-pura, walaupun tidak dalam golongan orang yang engkar. Sebab itu maka tidak peliklah kalau layanan yang kita akan terima dari Allah di Malaysia ini serupa sahaja dengan mana-mana golongan hambanya yang berpura-pura seperti di negara-negara Barat, London, Paris, Washington yang berpura-pura beragama tetapi pada hakikatnya menentang ataupun serupa sahaja dengan golongan hambanya yang engkar keagamaannya seperti Peking dan Moscow yang menentang terang-terangan.

Manusia-manusia yang serupa ini iaitu yang berpura-pura dan yang menentang ini akan diberi peluang hidup di dunia ini sama seperti peluang yang diberi kepada mana-mana makhluk yang berkaki empat, yang merayap dan merangkak di alam fana ini, manakala di akhirat iaitu alam sambungan dan alam lanjutan

tunda nanti layanan yang akan diterima nanti ialah sepadan dengan kepura-puraan dan keenggaran kita atau dikenali dengan munafik dan kafir.

Kesimpulannya, doa yang berulang kali dibuat di penghujung Ucapan Belanjawan ini tidak lebih dari satu adat orang Melayu. Bukannya satu ibadat orang Islam. Satu doa dari golongan orang Islam yang suka meminta-minta tanpa melengkapkan diri dengan syarat-syarat bekerja. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, satu semakan semula dan perubahan menyeluruh perlu dibuat dengan serius dan ikhlas. Tidak ada erti langsung kita yang berketurunan Islam ini memimpin rakyat kita di dunia fana ini, kemudian kita biarkan rakyat kita bertempiran dalam keadaan sengsara di Padang Masyar tanpa pembelaan. Walhal itulah saatnya rakyat amat memerlukan pembelaan kita dan pembelaan di sana tidak wujud selagi kesetiaan kita kepada Allah di dunia ini berbetah bagi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini ada beberapa hal yang tidak menyenangkan telah berlaku dan memerlukan penyelesaian segera supaya keadaan pincang ini tidak berlarutan. Misalnya, Parlimen kita telah menerima dua jenis pindaan Akta semasa sidang ini dimulakan baru-baru ini. Sedangkan satu sama lain adalah bercanggah. Satu, Akta Bank (Pindaan), juga Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) yang telah pun dibahas dan diluluskan. Manakala yang satu lagi Akta Bank Islam (Pindaan) yang telah mula dibahas dan terhenti sekejap kerana Ucapan Belanjawan dan tentunya akan diluluskan juga nanti.

Kedua-dua institusi kewangan ini adalah bercanggah dan bertentangan seperti pertentangan di antara api dan air. Satunya menghalalkan, bahkan

mewajibkan riba, yang tugasnya memeras dan menekan. Sedangkan yang satu lagi mengharamkan riba dan menyekat penindasan dan pemerasan supaya lahir pertalian kemanusiaan dan persaudaraan di antara pemodal dan pekerja.

Oleh kerana percanggahan ini berlaku secara otomatis maka di mana sahaja ada bank riba maka Bank Islam mesti ranap. Pertama kerana tidak ada perimbangan dalam kefahaman rakyat kita di antara keperluan kebendaan yang diajar oleh riba dengan pertimbangan kemanusiaan yang diajar oleh Islam. Ketidak perimbangan kefahaman ini lebih menebal di kalangan pemimpin sendiri lebih daripada kalangan bawahan. Sebab itulah kita dengar dalam Dewan ini kritik-kritik pedas telah dibuat terhadap pemimpin kita yang suka shopping di luar negeri, di saat mereka sendiri menganjur rakyat supaya mengutamakan barangan Malaysia. Saya kata tidak wujud perimbangan kefahaman ini kerana semangat mementingkan kebendaan yang dididik oleh penjajah dahulu teiah diteruskan sepenuhnya oleh pemerintah yang ada hari ini. Dan kemuncak dari penerusan semangat kebendaan ini ialah lahirnya politik wang yang sedang berkecamuk dalam darah daging parti pemerintah sekarang. Jadi selagi tidak dibetut dan diselaraskan di antara kepentingan kebendaan dengan pertimbangan kemanusiaan maka Bank Islam tetap akan menjadi mangsa. Bank Islam akan berbeza seperti kata seorang penyokong Kerajaan sendiri dari Pasir Putih baru-baru ini, berbeza hanya dari segi ungkapan akad sahaja. Lepas itu "bah" di sana dan "bah" di sini, kata beliau. Yakni Mudharabah, Mukarabah, Murabahah, agaknya. Ya, kalau saya yang mengeluarkan kata-kata macatn itu tentulah dipandang serong itu dan ini. Tetapi bila dikeluarkan dari back-bencher sendiri maka telah sahajalah.

Sebenarnya, sewaktu kita mengadakan bank-bank riba dahulu seperti Bank Bumiputra dan lain-lain ialah kerana pertama meneruskan teori Barat yang telah berdarah-daging dalam benak kita. Yang kedua kerana sistem riba yang memestikan dapat untung sebelah pemodal itu memang selaras dengan kemahuan nafsu, nafsu amarah manusia. Manakala mengadakan Bank Islam di negara ini adalah memulakan kerja baru di segenap aspek. Baik dari segi fizikal dan spiritual, dan ini memang berat.

Dan yang kedua, dan ini yang terpenting sekali ialah kewujudan Bank Islam di sini tidak sekali-kali berasaskan keyakinan kepada konsep dan prinsip Islam itu sendiri. Kita wujudkan Bank Islam semata-mata tayangan dan kosmetik, katau-kalau atau mudah-mudahan semangat perkembangan Islam yang sedang melanda seluruh dunia sekarang ini dapat ditahan dan disekat. Akhirnya, perbezaan yang dapat dirasakan pada Bank Islam ialah akad dan penambahan peratus pembayarannya tidak dikira pada setiap tahun tetapi pada dua, tiga bulan sekali. Dan sekadar ini pun cukuplah agaknya untuk memukau rakyat kampung.

Meneruskan dua institusi kewangan yang bercanggah sama sendiri ini dalam sebuah negara serupalah wujudnya sebuah Kerajaan diktator serentak dengan Kerajaan demokrasi di satu tempat dan satu masa yang hanya boleh diterima oleh masyarakat buta huruf tetapi akan menjadi bahan ejekan golongan cerdik-pandai.

Tuan Yang di-Pertua, hendaklah difaham umum bahawa sebanyak mana isu yang berkecamuk dalam kepala kita orang-orang politik, isu yang sama telah pun berkecamuk dan bersarang dalam kepala para Ambia dan Rasul alaihimu salatu Wassalam sejak zaman-berzaman. Amatlah salah kalau kita dari golongan politik ini

beranggapan bahawa apa yang difikir oleh para Ambia dan Rasul itu benda lain dan yang kita fikir ini benda lain. Amatlah salah kalau kita beranggapan bahawa para nabi khususnya Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah memikir isu ekonomi, tidak pernah memikir isu perpaduan kaum, tidak pernah memikir isu kestabilan politik antarabangsa dan sebagainya.

Lahirnya sangkaan buruk seperti ini adalah kesan dari orientasi yang sengaja yang direncana oleh musuh-musuh tradisi Islam ia-itu yang disebut Yahudi dan Nasara seluruh dunia dengan tujuan memusnahkan Islam secara langsung atau sekurang-kurangnya membiarkan Islam yang asatnya merupakan satu force yang bertenaga itu membiarkannya menjadi pondan yang tidak mempunyai peranan apa-apa selain daripada masalah-masalah personal.

Saya bangkitkan masalah ini kerana terdapat di kalangan pemimpin kita yang begitu kalut dengan isu orang PAS yang mendedahkan Islam di kalangan masyarakat Cina yang belum Islam. Yang sepatutnya kami mendapatkan tahniah dan ucapan terima kasih di atas usaha mulia ini.

Bagi kami pejuang-pejuang Islam pendedahan ini selain daripada menjadi kewajipan sebagai seorang Istam, pendedahan ini juga merupakan jalan keluar yang paling berkesan untuk perpaduan kaum yang cukup bermakna. Perpaduan kaum dan integrasi bangsa telah menjadi salah satu tajuk Islam itu sendiri. Dengan lahirnya Nabi Muhammad s.a.w. yang diberi gelaran: "Aku diutuskan kepada manusia yang berkulit hitam dan berkulit merah". Gelaran dan tugas-tugas ini menandakan Nabi Muhammad s.a.w. dan Istam adalah untuk semua dan penawar kepada semua. Sehingga hari ini PAS telah berjaya menutup mulut orang-orang yang menuduh kami

sebagai parti perkauman setelah ramai daripada orang-orang yang bukan kaum Melayu bukan sahaja yang menganggotai PAS tetapi mengetuai cawangan-cawangan PAS.

Itu adalah bukti jelas bahawa PAS bukan perkauman seperti yang biasa dilemparkan ke atas kami. Dan tidak lama lagi kemungkinan besar bagi Islam akan menguasai negara ini melalui sokongan semua kaum setelah mereka terdedah dengan Islam. Hal ini tidaklah pelik dan tidak akan jauh dari kenyataan, insya Allah. Kerana keinginan kepada keselamatan dunia dan akhirat adatah menjadi idaman bersama dan impian semua bangsa. Soalnya bolehkah keselamatan dunia dan akhirat dicapai melalui nasionalis, kapitalis yang menjadi amalan kita hari ini? Tidak boleh, jawabnya. Maka kerana apa pihak atasan membuat sibuk-sibuk dengan kerja kami yang benar dan mulia ini.

Dalam satu majlis ceramah kami di Eropah baru-baru ini, seorang pelajar berbangsa Cina telah bangun menyoal saya sendiri. Kenapa tidak dikemukakan soal Islam kepada kami bangsa Cina, sedangkan sudah berlalu masa hampir 30 tahun. Jawab saya senang iaitu kerana Kerajaan Nasionalis. Mereka tidak berkeyakinan terhadap Islam sebagai satu organisasi yang berkesan untuk perpaduan kaum. Mereka memandangkan Islam sebagai religion, tidak sebagai Addin.

Ada pun cerita bahawa kami menghasut pelajar-pelajar di seberang laut seperti yang heboh dalam suratkhbar semasa sidang tahunan sebuah parti nasionalis baru-baru ini, maka cerita-cerita ini mencerminkan bahawa pemikiran mereka adalah dari jenis pemikiran masyarakat tertutup. Adakah masuk akal bahawa pelajar-pelajar yang telah dipilih sebagai yang terbaik dan berfikiran luas itu boleh menerima hasutan yang teratur dan

berjadual. Adakah masuk akal pelajar-pelajar yang sebahagian besarnya sedang membuat Masters, PhD itu boleh membelanjakan wang dan menghabiskan masa untuk mendengar hasutan? Tambah lagi alat perhubungan di antara Malaysia dan Eropah, Amerika begitu mudah dan terdapat dengan banyaknya. Maka takkanlah pelajar-pelajar tadi boleh menelan dengan senang hasutan-hasutan kami tanpa menggunakan kemudahan-kemudahan hubungan yang berselerak di sana. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka sendiri merelakan diri mereka untuk kami hasut, apa boleh buat. Kami terpaksa hasut jugalah, Tuan Yang di-Pertua.

Satu hal yang kita kena tahu bahawa pelajar-pelajar kita di luar negeri adalah terdedah kepada buku-buku Islam, seminar-seminar Islam yang ditulis oleh alim-ulamak Islam dan dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan Islam yang berselerak di seluruh dunia hari ini. Alim ulamak dari Iran misalnya telah menulis mengenai Islam dengan semangat yang tidak terbatas. Kerana mereka mendapat sokongan sepenuh dari Kerajaan Republik Islam Iran mereka sendiri.

Karya-karya mereka dapat dibaca bahkan dapat dihubungi sendiri dalam seminar-seminar yang menggunakan berbagai bahasa besar dunia. Ulama-ulama mereka ikhlas dan berani bukan macam ulama-ulama dalam parti pemerintah yang mengikut kata peridennya, Presiden UMNO sendiri, terdiri dari golongan yang takut kalah untuk berdebat dengan PAS. Lihat ucapan beliau bertajuk: Kemewahan Punca Kehancuran—Siri Ucapan Penting, halaman 4 dan 5.

Kejayaan Iran dalam mendirikan Kerajaan Islam mengikut Prof. Dr Mohamad Abdul Rauf, Rektor Universiti Islam Antarabangsa telah mempercepatkan anak-anak muda kita menuntut supaya dipulihkan

semula negara Islam—lihat halaman satu, Mukaddimah Kertas Kerja I: Konsep Negara Islam, tarikh 7hb Muharram 1406 bersamaan 22hb September, 1985.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, apabila kami dijemput membuat ceramah Islam di luar negeri adalah disebabkan ceramah yang serupa mustahil dapat dibuat oleh pejuang-pejuang kebangsaan yang terang-terang melaungkan keinginan mereka untuk menegakkan negara Islam yang tidak tulin, tidak tulin bererti palsu, barang palsu sama ada duit palsu, ubat palsu, spare-spare palsu semuanya menjadi barang buruan polis. Jadi pelajar manakah yang hendak bersubahat dengan barang-barang tersebut?

Selama ini kita telah dipaksa mendengar bahawa Debat UMNO-PAS tidak jadi kerana pertama pihak Istana tidak membenarkan, yang kedua kerana sikap PAS tidak jujur, rupa-rupanya apabila Ketua UMNO sendiri menyebut seperti yang saya sebut sekejap tadi nampaklah alasan tadi juga palsu.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengalaman kami berdialog dengan rakyat Cina yang belum Islam lagi, jelas bahawa mereka telah pun menerima bermacam-macam agama yang ada di sini kerana kebanyakan pemuda-pemuda mereka masih kekosongan jiwa sehinggakan mereka sanggup menerima agama Buddha yang mengikut apa yang diketahuinya telah mengharamkan semua sekali daging dan makhluk bernyawa. Jadi kalau Islam mengharamkan hanya satu jenis daging sahaja maka apa susah, kata mereka.

Kami mendedahkan kepada mereka Islam yang tidak bercampur aduk dengan adat resam Melayu dan kebudayaan Melayu, kami dedahkan Islam supaya mereka sama-sama memimpin Islam, bahkan kalau

mereka menerima Islam, maka banyak problem masyarakat yang sedang memeningkan kepala kita sekarang dapat dihapuskan dengan senang. Problem dadah, rompak bank, polarisasi kaum, rasuah, rogol dan sebagainya dengan mudah dapat dikurangkan walaupun tak dapat dihapuskan sekali.

Kesimpulannya kami tidak menghasut kaum pelajar di luar negeri dan kami tidak menghasut keturunan Cina dalam negeri, cuma boleh jadi kerja-kerja itu sedikit sebanyak menggugat kedudukan UMNO dan itu bukan tanggungjawab kami.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang bertanya tentang model negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Mamat Ghazalee bin Haji Abdul Rahman: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu jawab dengan lillahi-Taala yakni gerakan PAS sekarang ini pergi berkempen atas apa yang dikatakan untuk menarik, mendedahkan Islam kepada orang-orang Cina atau orang bukan Islam. Ini dibuat dengan tujuan apa, Tuan Yang di-Pertua? Adakah dengan tujuan untuk menarik orang-orang bukan Islam khususnya orang Cina untuk masuk agama Islam, penganut yang bukan beragama Islam menjadi Muslimin ataupun ada tujuan yang lain selain daripada itu. Minta jawabannya lillahi-taala.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Kalau Ahli Yang Berhormat perhati ucapan saya tadi telah pun saya sebutkan. Saya sebut bahawa ada dua sebab. Pertamanya kerana kewajipan kita sebagai orang Islam kena sebarkan Islam kepada orang yang bukan Islam; yang kedua dari segi politik maka Islamnya orang Cina boleh menolong kita menyelesaikan

masalah yang begitu kusut di kalangan kita hari ini iaitu masalah polarisasi kaum. Lebih lagi apabila sampai satu masa kelak Perdana Menteri Malaysia ini bukan daripada orang Melayu lagi memandangkan kepada kedudukan peratus Melayu semakin setahun semakin kurang, maka ketika itu kalau Cinalah yang menjadi Perdana Menteri Malaysia ini maka tentulah kalau tidak Cina Komunis, Cina Islam. Manakah baik kita terima Cina Komunis daripada kita terima Cina Islam. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun sekali lagi, hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Masa saya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah singkat.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, ada orang bertanyakan tentang model negara Islam yang diperjuangkan oleh pejuang Islam supaya ianya senang dilaksanakan nanti. Saya menjawab orang-orang komunis telah menubuhkan Kerajaan mereka pada satu masa dahulu di Moscow tanpa mencari-cari mana dia model negara komunis sebelum itu. Mereka mendirikan setelah mereka yakin bahawa rancangan dan projek mereka adalah stabil dan viable, hasilnya usaha mereka telah berjaya. Mereka boleh berdiri sama tinggi dengan Kerajaan-kerajaan lain di dunia.

Yang kedua ahli-ahli sains di satu masa dahulu telah bertekad mengirim angkasawan mereka ke angkasa lepas sekalipun sebelum ini tak pernah wujud contoh bagaimana manusia boleh meluncur naik ke angkasa lepas dan tak pernah wujud model untuk memulakan kerja-kerja bahaya ini, tetapi setelah keyakinan mereka begitu kukuh terhadap kaji-siasat

mereka, maka Yuri Gagarin dari Russia telah pun selamat naik ke angkasa dan selamat pulang ke bumi, kemudian diikuti pula oleh angkasawan-angkasawan yang lain sampai ke hari ini. Jadi soalan-soalan tentang model negara Islam adalah soalan yang memalukan, lebih-lebih lagi bercanggah dengan kenyataan yang ianya telah lama wujud di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, corak ucapan Belanjawan kali ini masih juga di takuk lama, masih mengikuti corak belanjawan negara-negara sekular yang hanya menumpukan ikhtiar lahiriah sahaja sebagai sasaran memerangi inflasi dan kemelesetan ekonomi, hanya terdapat sedikit ikhtiar sambilan dalam bentuk negatif yang boleh dikira sebagai ikhtiar dalaman atau ikhtiar kerohanian sebagai sasaran memerangi azab inflasi dan kemelesetan ekonomi. Bentuk negatif yang saya sebutkan itu ialah Belanjawan kita ini dinamakan "Belanjawan Jimat Cermat" dan pengawalan yang diketatkan dalam perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, berjimat memang mulia sifatnya, menandakan seorang itu faham dan serius dalam hidupnya dengan syarat ianya dilakukan dengan rela hati tidak tersepit dan tidak dipaksa tetapi dengan keadaan ekonomi yang sedang merosot dan tuntutan kaum pekerja yang begitu ketara untuk memenuhi keperluan hidup anak-anak buah mereka sehari-hari setelah pembuangan kerja dan bidang jawatan baru masih dibekukan tambahan pula hasil mahsul pertanian dan perladangan mereka tidak mendapat pasaran. Semuanya ini menimbulkan keraguan benarkah belanjawan ini Belanjawan Jimat Cermat yang lahir dari hati yang mulia dan sukarela? Lebih-lebih lagi apabila dikaji latar belakang pimpinan sekarang yang boros dan membazir yang telah

mencetuskan rasuah, monopoli, bankrapsi dan penggelapan wang negara sampai berbillion ringgit. Kesemuanya ini, Tuan Yang di-Pertua, memaksa kita berfikir secara serius mengenai punca kemerosotan ekonomi dan inflasi secara lebih meluas dan menyeluruh bukan sekadar punca di pandangan lahir sahaja.

Islam, Tuan Yang di-Pertua, telah mengenalpasti bahawa semua jenis maksiat adalah berkesudahan dengan azab Allah. Azab ini sama ada dalam bentuk inflasi, sama ada dalam bentuk kemelesetan ekonomi dan sebagainya dan apabila disebut maksiat, maka ianya mencakupi semua pelanggaran perbatasan yang ditetapkan oleh Allah termasuk membazir-mewah, rasuah, penggelapan wang dan menyalahgunakan kuasa. Oleh itu saya minta bahawa semasa kita berfikir dan mencari jalan mengatasi azab-azab yang sedang menimpa sekarang, maka semua jenis maksiat mestilah diambil kira untuk dihapuskan, bukan sekadar menaikkan cukai yang tinggi ke atas arak dan rokok sahaja kerana cara ini adalah cara "sambil menyelam sambil minum". Biasanya akan berkesudahan dengan penyeludupan, tumbuk rusuk dan sebagainya yang belum pun masalah lama dapat diselesaikan, masalah-masalah baru pula yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dipandang sekali imbas maka hampir-hampir tidak ada cukai baru yang dikenakan kali ini, sedangkan semasa Belanjawan ini dikemukakan pihak CUEPACS dan kawan-kawannya sedang membuat tuntutan-tuntutan yang wajar. Pengangguran dan pemecatan pekerja berlaku di sana sini. Soalnya adakah Belanjawan ini telah disiapkan begitu rupa dengan cadangan ada lagi satu Bill lain sebagai Bill Belanjawan Tambahan yang akan dikemukakan seberapa segera setelah

tamat sahaja pilihanraya nanti? Walaupun Bill Belanjawan Tambahan itu biasa sahaja digunakan tetapi untuk menyiapkan suatu Belanjawan tahunan dengan berasaskan Belanjawan Tambahan yang akan dikemukakan nanti adalah amat janggal dan menyusahkan pentadbiran, selain daripada itu menimbulkan tanda tanya apakah sebenarnya yang hendak dirahsiakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.10 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan tahun 1986 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 25hb Oktober yang lalu.

Dalam perbincangan ini ingin saya membangkitkan satu dua perkara yang saya rasa dipandang berat oleh rakyat jelata. Memandangkan bantahan-bantahan hebat terhadap pelaksanaan sistem integrasi sekolah SRJK Cina dari masyarakat kaum Cina, Persatuan-persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, Persatuan Bekas Murid-murid Sekolah Cina, Persatuan-persatuan Kaum Cina dan *Tong Jiau Chong*, ingih saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya menimbang dengan teliti dan mengambil berat akan keputusannya untuk melaksanakan sistem integrasi sekolah. Di samping itu Kerajaan haruslah menghormati hasrat dan pandangan rakyat dan mengambilkira sebab-sebab bantahan mereka terhadap sistem itu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menekankan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pandangan yang mengaitkan masalah polarisasi kaum di negeri kita dengan wujudnya berbagai jenis sekolah-sekolah rendah

adalah salah dan tidak betul. Polarisasi kaum yang dialami masa kini bukanlah sebenarnya berpunca dari wujudnya berbagai jenis sekolah-sekolah rendah. Sebelum kemerdekaan, berbagai jenis sekolah-sekolah rendah tetah wujud tetapi pada masa itu masalah polarisasi kaum tidaklah begitu serius sepertimana yang ternyata dan ketara pada masa kini. Dengan keadaan demikian adalah tidak berasas bagi mengatakan polarisasi kaum adalah berkait rapat dengan wujudnya berbagai jenis sekolah-sekolah rendah.

Oleh yang demikian, masyarakat kaum Cina memandang dengan syak wasangka terhadap motif dan tujuan Kerajaan dalam pelaksanaan sistem integrasi sekolah. Boleh dikatakan masyarakat kaum Cina mencaci rancangan Kerajaan ini sebagai satu langkah untuk menukar corak SRJK Cina. Kerajaan harus mengambil berat dan meneliti pelaksanaan dan penyelewengan pelaksanaan polisi-polisinya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah polarisasi kaum yang semakin serius sebenarnya berpunca dari penggunaan istilah bumiputera dan bukan bumiputera dengan bertelusa dalam hidup harian kita. Menggolongkan rakyat kita kepada bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang-bidang politik, sosio-ekonomi, kebudayaan dan pendidikan telah mewujudkan satu keadaan yang tidak adil dan berat sebelah ia-itu satu pihak diberi segala-gala keutamaan dan satu pihak lain tertindas. Boleh dikatakan polarisasi kaum adalah pencurahan perasaan tidak puas hati dari kaum bukan bumiputera akan polisi-polisi Kerajaan yang tidak adil dan berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara penyelesaian polarisasi kaum ialah dengan pemberian keadilan dan kesamaan yang berasaskan pada

prinsip-prinsip hak-hak asasi manusia kepada rakyat di bidang-bidang politik, sosio-ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya, sebenarnya polarisasi kaum telah memecah-belahkan perpaduan rakyat. Tetap dikatakan segala-gala polisi yang tidak adil bukan sahaja akan memecah-belahkan rakyat berbagai kaum tetapi juga akan membawa kesan-kesan buruk kepada rakyat sesama kaum yang sekian lama ini telah diberi keistimewaan.

Oleh yang demikian sistem yang tidak adil akan cuma memberi faedah dan manfaat kepada segelintir rakyat sahaja. Akhirnya yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin menjadi lebih miskin. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sistem integrasi sekotah di SRJK Cina dan Tamil dan SRK bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah polarisasi kaum bahkan ia akan merumitkan masalah ini selagi perbezaan di antara bumiputera dan bukan bumiputera masih wujud dan kekal. Keadaan di mana satu pihak mendapat keistimewaan dan satu pihak lain tertindas akan berterusan dan dicerminkan dalam pentadbiran sekolah yang berkenaan. Selagi ketidakadilan dan ketidaksamaan masih wujud dan berterusan di masyarakat kita di mana kanak-kanak dipaksa dan terpaksa mengalami kekejaman realiti alam sekitar mereka, bolehkah kita harap kanak-kanak ini akan rasa berdiri sama tinggi, duduk sama rendah di bawah sistem integrasi sekolah? Jawapannya ialah tidak mungkin. Oleh itu alasan-alasan bahawa masalah polarisasi kaum dapat diselesaikan melalui sistem integrasi sekolah adalah tidak berasas dan penuh dengan tipu helah.

Tuan Yang di-Pertua, sistem integrasi sekolah sepatutnya tidak boleh dilaksanakan dengan tergesa-gesa sahaja. Kerajaan adalah perlu

menimbang dengan teliti berasaskan reaksi dari masyarakat kaum Cina. Kecuali mendapat persetujuan dan sokongan sebulatnya dari masyarakat kaum Cina, sistem integrasi sekolah sepatutnya digugurkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berkali-kali memberi jaminan kepada masyarakat kaum Cina bahawa ia tidak akan melaksanakan dan tidak menggunakan kuasa di bawah Seksyen 21 (b) Akta Pelajaran, 1981 tetapi ingin saya merayu kepada Kerajaan bahawa sekiranya ia benar-benar tidak ada niat melaksanakan bahagian Akta ini, salah satu cara yang dapat membuktikan keikhlasan dan kejujurannya ialah dengan memansuhkan bahagian Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu kebenaran yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa ialah segala usaha ke arah mencapai perpaduan rakyat haruslah berdasarkan kepada prinsip-prinsip keadilan di mana layanan yang diberi kepada rakyat mestilah adil, seimbang dan tidak menyebelahi mana-mana satu kaum. Umpamanya dalam bidang pelajaran seharusnya tidak boleh dibahagi-bahagi kasih sayang di antara sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Saya bersetuju tanggungjawab pembinaan sekolah tidak sepatutnya 100% terletak di atas bahu Kerajaan sahaja. Saya sedar kita masih memerlukan sumbangan-sumbangan kewangan dari dermawan-dermawan masyarakat kita untuk membantu Kerajaan dalam usaha-usaha pembinaan sekolah. Tetap Kerajaan tidak sepatutnya kurang mementingkan atau menutup matanya kepada pembinaan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Bukankah keadaan sedemikian akan menjadi batu penghalang bagi pencapaian perpaduan rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya kemukakan ialah penganan cukai dua kali (double

taxation). Dalam hal ini cukai sepatutnya dikenakan sekali sahaja pada mana-mana satu punca pendapatan. Tetapi apa yang dilakukan pada cukai pendapatan bukanlah sedemikian. Umpamanya pendapatan tahunan seseorang ialah \$24,000 dan daripada angka ini dia kena membayar \$6,000 sebagai faedah atas pinjaman perumahan kepada sesuatu institusi kewangan. Selepas ditolak \$6,000 sebagai bayaran-faedah kepada institusi kewangan, jumlah pendapatan yang sepatutnya dikenakan cukai ialah \$18,000 dari \$24,000 kerana \$6,000 yang dibayar sebagai faedah akan dikenakan cukai yang dibayar oleh institusi kewangan yang berkenaan. Saya harap syor saya akan diterima oleh Kerajaan supaya double taxation akan dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, ingin saya menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dapat menyediakan satu Belanjawan Negara yang dipuji dan diterima oleh majoriti rakyat sungguhpun pada masa kini negeri kita masih menghadapi berbagai masalah ekonomi. Dengan ini saya menyokong Belanjawan Negara 1986. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

6.24 *ptg.*

Tuan Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk membahaskan Belanjawan tahun 1986 yang telah dikatakan sebagai satu Belanjawan yang sederhana dan tidak membebankan rakyat. Ini memang betul. Saya ingin menyentuh tentang Agensi-agensi di Luar Belanjawan, atau apa yang dikenali sebagai Off Budget Agency (OBA), yang telah menjadi satu isu yang menarik perhatian pada dua tiga tahun

kebelakangan ini. Ini adalah kerana agensi-agensi ini mempunyai kesan-kesan ke atas imbangan bayaran negara dan juga kepada keberkesanan pihak awam pada amnya.

Saya mengalu-alukan langkah-langkah yang positif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi OBA ini. Buat kali pertamanya, perbelanjaan OBA mencatatkan kekurangan sebanyak \$2 bilion iaitu dari \$8 bilion hingga \$6 bilion. Yang keduanya, buat kali pertamanya juga, OBA ini diberi satu bahagian yang khas dalam Laporan Ekonomi, iaitu Laporan Ekonomi bagi tahun 1985 dan 1986. Sungguhpun pada amnya peruntukan untuk OBA telah dikurangkan, tetapi pada pendapat saya ianya masih besar, iaitu ianya masih merupakan 40% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan berbanding dengan hanya 20%, ataupun kurang daripada 20%, pada tahun-tahun sebelum tahun 1981. Maka pada pendapat saya, peruntukan untuk OBA haruslah terus dikurangkan lagi sama ada melalui proses penswastaaan ataupun dengan menamatkan projek-projek yang tidak berhasil.

Sebenarnya mengikut Laporan Ekonomi 1985/86, cuma empat buah agensi sahaja yang mempunyai lebihan yang besar dalam akaun semasa mereka, iaitu PETRONAS, LLN, Telekom dan MAS. Maka adakah ini bermakna bahawa agensi-agensi yang lain itu nampaknya tidak begitu cekap dan tidak mencatatkan keuntungan. Pada pendapat saya butir-butir bagi kesemuanya 40 buah Agensi-agensi di Luar Belanjawan harus dirumuskan dalam Laporan Ekonomi supaya pihak Parlimen dapat meneliti mana-mana pihak yang tidak berhasil dan mana-mana pihak yang kurang cekap. Ini akan memberi satu peluang bagi Parlimen, bagi orang ramai dan juga

lebih penting lagi bagi pihak Kerajaan sendiri untuk menguji prestasi setiap Agensi di Luar Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, ini membawa saya kepada isu penswastakan. Nampaknya agensi-agensi atau syarikat-syarikat yang untung ataupun, dengan izin, profitable sahaja yang akan diswastakan. Adakah ini bermakna bahawa Kerajaan akan terbeban dengan badan-badan atau agensi-agensi yang tidak begitu untung dan apakah implikasinya terhadap keadaan kewangan Kerajaan pada amnya? Namun demikian apa yang jelas bagi saya ialah sungguhpun beberapa badan akan diswastakan tetapi masih terdapat banyak agensi yang akan ditanggungjawabkan oleh pihak Kerajaan. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat kita nafikan yang akan kita menghadapi pada masa-masa yang akan datang. Maka apa yang penting ialah kita harus meningkatkan lagi prestasi dan juga kecekapan semua agensi Kerajaan tanpa mengira sama ada ini adalah agensi di luar ataupun di dalam Belanjawan. Satu cara untuk meningkatkan prestasi pada pendapat saya ialah untuk mengambil kira

semua faedah ataupun, dengan izin, "interest" yang berhasil dari segala pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan terhadap semua projek Kerajaan. Dengan cara demikian barulah pihak Kerajaan terutamanya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dapat disedarkan dengan konsep kos melepas ataupun, dengan izin, opportunity costs setiap projek. Misalnya, satu projek hospital pun yang memerlukan pelaburan sebanyak \$20 juta, maka di dalam akaunnya bagi tiap-tiap tahun harus disebut apakah kos melepas ataupun bunga bayar balik bagi projek itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Dr Koh Tsu Koon: Ya, saya akan sambung pada hari esok. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari esok pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.